



Laporan Tahunan 2012 Annual Report

Bank Komuniti Anda
Your Community Bank



Mendampingi anda
Reaching out to you

BANK SIMPANAN NASIONAL

بنك سيمپانن ناسيونل



VISI *VISION*

Menjadi penyedia nasional bagi perkhidmatan kewangan yang komprehensif untuk rakyat Malaysia.

To be the national and preferred provider of comprehensive financial services for Malaysians.

MISI *MISSION*

Menggalakkan simpanan, pelaburan dan amalan pengurusan kewangan yang kukuh secara aktif dan menyediakan kemudahan tersedia untuk tujuan ini.

To actively promote savings, investment and the practice of sound financial management and provide ready facilities for this purpose.

PIAGAM PELANGGAN *CLIENTS' CHARTER*

Pelanggan Sentiasa Diutamakan.
The customer is always the priority.

Perkhidmatan Yang Meyakinkan Dan Memuaskan Hati Pelanggan.
A service that instills confidence and satisfies the customer.

Produk/Perkhidmatan Yang Berkualiti, Cepak dan Konsisten.
Products/services that are of quality, efficient and consistent.

Ketepatan Menyampaikan Maklumat Secara Jelas dan Lengkap.
Providing information that is timely, precise and complete.

Persekitaran Yang Selesa dan Selamat.
An environment that is comfortable and secure.

KANDUNGAN CONTENTS

2

Penubuhan Bank Simpanan Nasional
The Advent of Bank Simpanan Nasional

3

Plan Strategik Korporat
BSN's Corporate Strategic Plan (CSP)

4

Kenyataan Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman's Statement

10

Lembaga Pengarah
Board of Directors

12

Profil Lembaga Pengarah
Board of Directors' Profile

20

Pengurusan
Management

22

Pernyataan Tadbir Urus Korporat
Statement of Corporate Governance

38

Laporan Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee Report

39

Laporan Aktiviti
Activity Report

48

Sorotan Media
Media Highlights

49

Penyata Kewangan
Financial Statements

245

Hubungi Kami
Contact Us

RASIONAL KULIT COVER RATIONALE



Sebagai sebuah Bank Komuniti, BSN terus berpegang kepada mandat sosialnya untuk menyemai sikap menabung dan menyediakan kemudahan perbankan kepada semua peringkat masyarakat. Melalui lebih 6,000 kakitangan, 398 cawangan dan lebih dari 4,055 Ejen Bank Berdaftar (EBB), sehingga Mei 2013, kami berjaya menjadikan lebih 8 juta warga Malaysia pelanggan kami. Walaupun di mana anda berada, BSN terus komited terhadap anda, kerana tidak ada tempat yang terlalu jauh untuk kami.

Dengan adanya saluran penyampaian yang baru, transaksi perbankan hanyalah berhampiran dari tempat anda. EBB BSN sedia memberi perkhidmatan tidak kira di mana jua anda berada. Tema kami untuk tahun ini menggambarkan kesediaan dan komitmen kami untuk mendampingi pelanggan-pelanggan kami supaya kami dapat berkhidmat dengan lebih baik.

As a Community Bank, BSN has maintained its social mandate of inculcating savings and providing banking accessibility to all community segments in the country. With more than 6,000 employees, 398, branches nationwide and more than 4,055 Ejen Bank Berdaftar (EBB) as at May 2013 across the country, we have reached out to more than 8 million Malaysians through the years.

Whether our customers are situated in rural or urban areas, we remain committed to getting closer to you as no place is too remote for us. With our new delivery channel in place, banking transactions are now just around the corner as our EBB BSN agents are ready to serve you, no matter where you live. This year's theme reflects our willingness and commitment to reach out to our customers in order to serve them better.

PENUBUHAN BANK SIMPANAN NASIONAL

The Advent of Bank Simpanan Nasional

Pelancaran BSN pada 5 Disember 1974, menggariskan lima matlamat utama yang masih relevan dan menjadi prinsip utama kewujudannya hingga ke hari ini. Matlamat-matlamat itu ialah:

- Menggalakkan dan mengembleng simpanan, terutama dari penyimpan bersimpanan kecil.
- Menyemai tabiat berjimat cermat dan suka menabung.
- Menyediakan saluran bagi masyarakat umum untuk menyimpan wang.
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi Negara.
- Memelihara kepentingan pelabur dan lain-lain pelanggan.

BSN's inception on 5th December 1974 outlined 5 main objectives. These objectives remain relevant until today as its core principles of its existence:

- *To promote and mobilise savings, particularly from small savers.*
- *To inculcate the habit of thrift and savings.*
- *To provide the means for savings by the general public.*
- *To utilise the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.*
- *To uphold the interest of its depositors and other customers.*



PLAN STRATEGIK KORPORAT

BSN's Corporate Strategic Plan (CSP)

BSN telah menyediakan Plan Strategik Korporat yang jelas menghuraikan arah-tuju perniagaan bank ini.

Matlamat utama BSN ialah untuk bersaing secara berkesan dalam industri perbankan sambil menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menyediakan laluan kepada kemudahan perbankan dan kewangan untuk semua, lebih-lebih lagi masyarakat luar bandar. Sejak lima tahun kebelakangan BSN telah berubah untuk menjadi salah sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) dinamik yang berupaya untuk bersaing dengan bank-bank komersil tempatan.

Dalam tempoh ini BSN telah melaksanakan saluran perbankan cara automatik – perbankan Internet (myBSN), perbankan SMS (BSN:SMS), ATM luar premis (ATMs) dan mesin deposit wang (CDMs) – yang mengukuhkan keupayaannya untuk berkhidmat kepada pelanggan. Bank ini juga melancarkan perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar (EBB) pada tahun 2012 yang menyaksikan 3,660 ejen beroperasi di penghujung tahun tersebut. Menjelang 2015 BSN yakin ia tersedia dengan sistem "Core Banking" baru yang akan meningkatkan proses perkhidmatan secara automatik sambil mengurangkan jangkamasa sesuatu produk itu dapat dinikmati pelanggan.

Kemajuan dalam teknologi maklumat serta pertambahan dalam rangkaian cawangan akan mempercepatkan jangkauan kepada semua lapisan masyarakat, baik di bandar mahupun luar bandar, yang dengan sendirinya memenuhi tanggungjawabnya kepada masyarakat. Selaras dengan aspirasi kerajaan, BSN telah juga membina cawangan perbankan Islamnya untuk memenuhi keperluan pelanggan sambil mendukung hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia hab perbankan Islam.

Dengan bertemakan "Memperkuh Langkah", pelan ini mengukuhkan kedudukan dan kehadiran institusi kewangan ini dalam sektor kewangan tempatan. Ia juga mengambil kesempatan dari pengstrukturkan BSN kepada tiga tunggak utama, iaitu perbankan runcit, perbankan komuniti dan sokongan korporat, yang menjamin ketahanan berterusan beserta komitmen kepada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

The Bank's Corporate Strategic Plan (CSP) provides BSN with its strategic business direction.

BSN's principal objective is to effectively compete in the banking industry while undertaking mandated roles to provide greater access to banking and financial literacy for all, particularly those in the rural areas. Over the past 5 years, BSN had transformed itself as one of the notable dynamic development financial institutions (DFI) to compete amongst commercial banks.

The implementation of BSN's automated banking channels in the past 5 years- Internet Banking (myBSN), SMS Banking (BSN:SMS), off-premise ATMs and Cash Deposit Machine (CDMs) had enhanced BSN's capability to provide better services to its customers. The Bank also embarked on Ejen Bank Berdaftar (EBB) in 2012 which saw 3,660 agents in operation by end of 2012. By 2015, the Bank will have in place a new Core Banking system to further automate processes and reduce the time-to-market of its products.

Improvements in IT coupled with the continuous expansion of its branch network will accelerate the Bank's outreach to more Malaysians both in the urban and notably in the rural areas, in fulfilling its mandate to provide banking services to all strata of society. In line with the Government's aspirations, BSN had built up its Islamic Banking arm to meet consumer needs and at the same time support the Government in making Malaysia the hub for Islamic Banking.

The CSP themed "Strengthening the Pace" reinforces BSN's presence and visibility in the local financial landscape. It also capitalises on the Bank's re-organisation into 3 distinct and critical pillars i.e. Retail Banking, Community Banking and Corporate Support to ensure continual sustainability and commitment to its mandated roles.

KENYATAAN TIMBALAN PENGERUSI

DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT



“ Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya menyampaikan Laporan Tahunan Bank Simpanan Nasional dan Penyata Kewangan untuk tahun kewangan berakhir 2012.

On behalf of the Board of Directors, it gives me great pleasure to present Bank Simpanan Nasional's Annual Report and Financial Statements for the financial year ending 2012.

”

KENYATAAN TIMBALAN PENERUSI *Deputy Chairman's Statement*

LANSKAP EKONOMI

Pada tahun 2012 BSN berjaya mengambil beberapa langkah mengkagumkan, lebih-lebih lagi bila dilihat dari perspektif saingan yang meningkat dan ketidaktentuan dalam ekonomi dunia. Bagaimanapun pasaran baru membangun di rantau Asia terus bertahan, didorong oleh permintaan tempatan dan asas yang kukuh.

Ekonomi negara pula terus menunjukkan trajektori pertumbuhan yang kuat hasil manfaat dari asas ekonomi makro yang kukuh, struktur ekonomi pelbagai dan kuat, juga sistem kewangan kukuh dan dasar ekonomi makro yang memberangsangkan.

Ekonomi negara mencatat pertumbuhan 5.6% didorong oleh permintaan tempatan. Walaupun terdapat ketidaktentuan, keyakinan pengguna tempatan meningkat selaras dengan peningkatan pendapatan yang menandakan pengukuhan dalam pasaran tenaga kerja, kadar inflasi rendah dan persekitaran kewangan yang menyokong. Dalam tahun yang dikaji, kedudukan sektor kewangan negara berjaya melepasi tekanan Program Penilaian Sektor Kewangan yang dijalankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia.

Sepanjang 2012, Kadar Dasar Semalaman kekal pada 3.00%, berbanding peningkatan pada 2010 dan 2011. Ini menggambarkan kecenderungan kepada keseimbangan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Di dalam sektor kewangan, institusi kewangan meneruskan urusan jual beli serta strategi pelaburan yang cermat. Selanjutnya, *Guidelines on Responsible Financing* telah diperkenalkan pada tahun 2012, bagi memastikan bank-bank melaksanakan penilaian yang lebih terperinci, yang membawa kepada amalan pembiayaan industri yang lebih kukuh.

PRESTASI KEWANGAN

Walaupun keadaan ekonomi dunia begitu mencabar, pendapatan BSN meningkat sebanyak RM178.5 juta pada 2012, berbanding RM1.46 bilion tahun sebelumnya, iaitu peningkatan 12.25%. Pendapatan bersih pula berjumlah RM1.12 bilion, berbanding RM1.03 bilion pada tahun 2011. Mencerminkan pertumbuhan hasil yang ketara, bank mencatat keuntungan RM402 juta selepas cukai dan zakat, iaitu pertumbuhan sebanyak 14.8%, hasil peningkatan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan serta deposit.

Dengan misi untuk menggalakkan simpanan, pelaburan dan pengurusan kewangan yang cekap bagi meningkatkan kualiti kehidupan warga Malaysia, BSN secara jelas memberikan penumpuan kepada matlamatnya. Usaha ini nyata menunjukkan peningkatan pinjaman, pendahuluan serta pembiayaan dan merupakan penyumbang tertinggi kepada pertumbuhan 18.85% dari 2011.

THE ECONOMIC LANDSCAPE

2012 was a year where the Bank made great strides, against a backdrop of increasing competition and further uncertainties in the global economy. Nevertheless, the emerging markets in Asia continued to be resilient, sustained by domestic demand and strong fundamentals.

The Malaysian economy continued to remain on a solid growth trajectory, benefitting from sound macroeconomic fundamentals, a more diversified and stronger economic structure, a stronger financial system and sound macroeconomic policies.

The economy registered a growth of 5.6%, driven largely by domestic demand. Despite the uncertainties, domestic consumer confidence increased amidst positive income growth, signalling the continued strength of the labour market, a low inflation environment and supporting financing conditions. For the year under review, Malaysia's financial sector strength was reaffirmed to be resilient under stress by the Financial Sector Assess Programme, conducted by the International Monetary Fund and the World Bank.

Throughout 2012, the Overnight Policy Rate remained at 3.00%, as compared to the raising of interest rates in 2010 and 2011, thus reflecting the stance to promote balanced and sustainable growth of the economy.

In the financial sector, financial institutions maintained prudent trading and investment strategies. Further to this, the Guidelines on Responsible Financial was also introduced in 2012, to ensure banks conducted more thorough assessments, thus strengthening the industry's sound lending practices.

FINANCIAL PERFORMANCE

Against a challenging global economic backdrop, the Bank registered an increase in revenue of RM178.5 million in 2012, against RM1.46 billion from the previous year, representing a 12.25% year-on-year growth. Net income for the year recorded RM1.12 billion, compared to RM1.03 billion in 2011. Mirroring the significant growth experienced in revenue, the bank reported RM402 million in profit after tax and zakat, a growth of 14.8%, in line with the increase witnessed in loans, advances and financing as well as deposits.

With the mission to encourage savings, investments and smart financial management among Malaysians to increase their quality of life, BSN has clearly been focused on its goal. This can be seen as loans, advances and financing were the main contributors to the significant growth of 18.85% from 2011.

KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi Deputy Chairman's Statement

Skim pembiayaan mikro menunjukkan pertumbuhan tertinggi, iaitu 32.64% menjadikan jumlahnya RM373.62 juta, diikuti oleh pinjaman/pembiayaan peribadi, sewa-beli dan gadai janji pada kadar 20.52%, 18.2% dan 14.92%. Pertumbuhan untuk gadai janji dicatat ekoran skim Projek Perumahan Masyarakat Miskin yang ditawarkan oleh kerajaan, meningkatkan jumlah pembiayaan dari RM48.28 juta kepada RM62.97 juta sementara peningkatan skim sewa-beli pula didorong oleh Projek Skim Teksi Baru pada 2012.

Jumlah simpanan di BSN mencatat RM22.2 bilion pada 2012, iaitu tambahan 13.33% berbanding RM19.58 bilion pada 2011. Simpanan runcit meningkat 10.32% atau RM1.08 bilion kepada RM11.52 bilion, yang juga disumbangkan oleh pertumbuhan dalam Sijil Simpanan Premium.

PERBANKAN ISLAM

Hasil pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam (SPI) meningkat sebanyak RM137.82 juta kepada RM756.03 juta atau 22.29% berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan dari aktiviti pembiayaan menunjukkan peningkatan sebanyak RM120.5 juta atau 26.06%, manakala pendapatan dari aktiviti pelaburan dan perbendaharaan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak RM0.40 juta, walau bagaimanapun ini telah diimbangi oleh peningkatan di dalam lain-lain pendapatan sebanyak RM17.70 juta berbanding tahun 2011.

Hasil pendapatan dari aktiviti pembiayaan merupakan penyumbang terbesar kepada hasil pendapatan SPI bagi tahun 2012 sebanyak RM582.9 juta atau 77.11%. Pendapatan yang tinggi ini banyak dipengaruhi oleh pertumbuhan portfolio pembiayaan yang meningkat sebanyak RM2.3 bilion sepanjang tahun 2012 serta kecenderungan permintaan pasaran ke arah produk yang berlandaskan Syariah.

Kos dana meningkat sebanyak RM68.1 juta atau 37.9% disebabkan oleh peningkatan baki deposit sebanyak RM1.60 bilion atau 21.2% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini sejajar dengan keperluan dana yang digunakan untuk pertumbuhan pembiayaan SPI.

Peningkatan yang ketara di dalam belanja operasi lain sebanyak RM145.7 juta atau 61.50% disebabkan oleh penukaran kaedah pengagihan kos tak langsung operasi SPI serta peningkatan kos langsung SPI menerusi pembukaan Cawangan Perbankan Islam (CPI) sebanyak 6 buah bagi menjadikan jumlah keseluruhan CPI sebanyak 77 buah pada tahun 2012. Peningkatan kos overhead BSN juga menyumbang kepada peningkatan belanja operasi lain SPI menerusi agihan kos tak langsung yang telah dinyatakan sebelumnya.

BSN's microfinance scheme had recorded the highest growth in 2012 at 32.64% to RM373.62 million, followed by personal loans/financing, hire purchase and mortgages by 20.52%, 18.2% and 14.92% respectively. The growth experienced in mortgages was due to the Poor Community Housing Project under the government which grew to RM62.97 million, as compared to RM48.28 million in the previous year, while hire purchase increased with the introduction of the New Taxi Scheme in 2012.

The Bank's deposits grew by 13.33%, reaching RM22.2 billion, from RM19.58 billion as at 2011. Throughout 2012, the Bank's retail deposits grew 10.32%, an increase of RM1.08 billion to RM11.52 billion, which was also attributed to the growth experienced in the Premium Savings Certificate scheme.

ISLAMIC BANKING

Operating revenue from Skim Perbankan Islam (SPI) increased by RM137.82 million to RM756.03 million, or 22.29% over the previous year. Income from financing activities increased by RM120.5 million or 26.06%, while revenue from investment and treasury activities showed a marginal decrease of RM0.40 million. However, this was offset by an increase in other revenues of RM17.70 million in comparison to 2011.

For the year 2012, financing activities were the main revenue contributor for SPI which amounted to RM582.9 million or 77.11%. This increase in income was heavily influenced by the growth of its financing portfolio which increased by RM2.3 billion during the year 2012. The increase is also due to the tendency towards market demand of Syariah-compliant products.

Cost of funds increased by RM68.1 million or 37.9% due to increase in deposit balances amounting RM1.60 billion or 21.2% over the previous year. This increase is in line with the requirements of funds used to finance the growth of SPI financial activities.

The significant increase in other operating expenses of RM145.7 million or 61.50% is due to the conversion of indirect cost allocation method of SPI operations and increasing of direct costs in opening of 6 Cawangan Perbankan Islam (CPI) to record a total of 77 CPI in 2012. The increase in BSN overhead costs also contributed to the increase in other SPI operating expenses through the distribution of indirect costs as mentioned earlier.

KENYATAAN TIMBALAN PENERUSI *Deputy Chairman's Statement*

Keuntungan selepas zakat menurun sebanyak RM95.0 juta kepada RM82.5 juta adalah disebabkan oleh faktor-faktor di atas.

Hibah bermaksud satu bentuk hadiah atau pemberian yang diberikan secara sukarela oleh bank kepada pendeposit tanpa mengharapkan sebarang pembalasan. Untuk makluman, BSN telah memberi hibah kepada pemegang akaun GIRO-i bermula dari tahun 2011 sebanyak 2.0% dan 2012 juga sebanyak 2.0%.

MEMBINA DAN MENGUKUHKAN

Sepanjang tahun-tahun yang lalu BSN memberi penumpuan terhadap mengukuhkan hubungannya dengan pelanggan. Dengan menggunakan kemajuan yang dicapai setakat ini, BSN berada di kedudukan sesuai untuk menuju ke fasa pembangunan selanjutnya dan memenuhi kehendak warga Malaysia.

BSN terus memperluaskan produk perbankan asasnya dalam perbankan runcit yang merangkumi GIRO, GIRO-i dan Sijil Simpanan Premium (SSP), pinjaman peribadi Islamik dan konvensional, gadai janji dan pembiayaan mikro.

Skim SSP yang menggalakkan pengguna menabung sambil berpeluang memenangi hadiah lumayan diperluaskan melalui SSP Edisi Khas sepanjang 2012. Bank juga bekerjasama dengan Film Engine Sdn. Bhd. untuk mempromosi SSP Edisi Khas dengan menjadi penaja utama filem *Ah Beng the Movie: Three Wishes* sebagai satu langkah untuk menarik minat masyarakat Cina.

BSN juga berusaha untuk menarik lebih ramai pelanggan dan ini dilakukan melalui skim pembiayaan mikro, lebih-lebih lagi dari kaum Cina di perkampungan baru. Produk-produk baru untuk sektor insuran dan takaful juga diperkenalkan di bawah skim pembiayaan mikro selaras dengan hasrat untuk membawa produk-produk ini kepada seberapa ramai warga Malaysia yang mungkin, lebih-lebih lagi di luar bandar.

Bank ini turut mengambil bahagian dalam projek-projek inisiatif kerajaan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia, Baucer Buku 1 Malaysia, pinjaman jual-beli untuk pemandu teksi, pinjaman gadai janji untuk pekerja perladangan dan Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia.

Salah satu inisiatif bagi mempelbagaikan saluran perkhidmatan adalah pengenalan saluran Ejen Bank Berdaftar (EBB). Ianya adalah untuk menawarkan kemudahan perbankan kepada semua lapisan masyarakat. Skim ini membolehkan pelanggan dan masyarakat umumnya menjalankan urusan perbankan dekat dengan

Profit after Zakat decreased by RM95.0 million to RM82.5 million due to the above factors.

Hibah is a form of gift or pay-out made voluntarily by the bank to its depositors without expecting any returns. It also needs mention that BSN has given out a 2.0% hibah to its GIRO-i account holders for the year 2011 and 2012.

BUILDING AND STRENGTHENING

Throughout the years, BSN has continued to focus on strengthening its relationship with its customers. Building on the progress achieved thus far, BSN is well positioned to advance into the next phase of development to meet the needs of the Malaysian population.

Building on this position of strength, BSN continued to grow its core banking products in Retail Banking, encompassing GIRO, GIRO-i and Premium Savings Certificate (SSP), Conventional and Islamic Personal Loans, Mortgages and Microfinance.

*Essentially a scheme that encourages consumers to save while winning attractive prizes, BSN extended its SSP programme with a SSP Special Edition for the whole of 2012. BSN also collaborated with The Film Engine Sdn Bhd to promote the SSP Special Edition by becoming the official sponsor for the movie *Ah Beng the Movie: Three Wishes*, as part of its objectives to reach out more to the Chinese community.*

Focusing on its role as a community bank and reaching out to the underserved as well as rural communities further, BSN gained new customers via its Micro Finance programme, especially those in the Chinese New Villages. New insurance products, micro financing/takaful products were also introduced to its microfinance customers, in line with promoting and extending financial access to all segments of the Malaysian population, particularly in remote and non-urban locations.

As part of its commitment to community banking, BSN continued its participation in Government-mandated initiatives such as Bantuan Rakyat 1 Malaysia, Baucer Buku 1 Malaysia, Hire Purchase loans for taxis, Mortgage financing for estate workers, and Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia.

In its aim to provide diversified banking channels, BSN introduced the Ejen Bank Berdaftar (EBB) service to provide banking facilities to all layers of society. It also allows customers and the public at large to conduct banking transactions at their nearest locality, especially for those in underserved areas. This service introduced by BSN, provides deposits, withdrawals, bill payments,

KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi Deputy Chairman's Statement

tempat tinggal, lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman. Skim yang diperkenalkan oleh BSN ini menawarkan kemudahan asas seperti simpanan, pengeluaran, bayaran bil, pembelian SSP dan bayaran tanpa tunai. Jumlah Ejen Bank Berdaftar (EBB) bertambah kepada 3,660 pada 2012.

Walau bagaimanapun matlamat paling utama BSN masih fokus kepada memperluaskan rangkaian cawangan dan penggabungan khidmat kewangan yang lebih bermanfaat. Langkah ke arah matlamat ini diteruskan pada 2012 melalui penambahan jumlah cawangan kepada 396, 981 ATM, 245 mesin menyimpan wang tunai dan juga menambah pusat kewangan mikro kepada 59.

PENGSTRUKTURAN, PERUBAHAN DAN PERTUMBUHAN

BSN juga meningkatkan kecekapan operasinya dengan menstrukturkan aktiviti utamanya, iaitu runcit, kemasyarakatan dan sokongan. Pada umumnya ia memberi wajah baru kepada sistem perbankan sedia ada yang membawa kepada peningkatan keupayaan bersaing, kecekapan operasi dan pematuhan kepada peraturan. Sistem yang modular dan fleksibel ini menghasilkan satu landasan kepada bank untuk memperkenalkan pembaharuan dan menyesuaikan dengan lancar kepada persekitaran yang sentiasa berubah.

MENDEKATI MASYARAKAT

BSN begitu komited untuk melaksanakan peranannya sebagai warga korporat Malaysia yang bertanggungjawab melalui sumbangan untuk kesejahteraan komuniti umumnya masyarakat di mana ia beroperasi. Di bawah tanggungjawab sosial korporat, BSN menganjurkan 'Inter Varsity Social Venture Challenge' untuk pelajar institusi pengajian tinggi. Ia memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan cadangan perniagaan yang mampu membantu memajukan masyarakat dan memberi impak kepada komuniti.

Sejumlah 200 pelajar mengambil bahagian pada 2012 dengan mengemukakan 38 cadangan dalam program yang dijadikan sebagai landasan loncatan kepada para pelajar untuk memajukan kemahiran keusahawanan mereka bagi faedah masyarakat. Para pemenang menerima wang tunai sejumlah RM25,000, RM15,000, RM10,000 dan RM5,000, selain dari hadiah-hadiah lain.

Larian BSN Putrajaya Night Marathon diadakan tahun ini dengan penyertaan lebih dari 10,000 orang. Tahun ini juga kempen "Belanja dan Derma" dilancarkan sempena larian ini. Hasil kutipan didermakan kepada *Women's Aid Organisation* dan *Persatuan Glaukoma Malaysia*.

purchases of Premium Savings Certificates and cashless payments. The number of new EBB increased to 3,660 in 2012.

The overarching objective of BSN remains, namely to increase its network and deepen financial integration. Towards this objective, the Bank increased the number of branches to 396 branches, 981 automatic teller machines (ATMs), 245 cash deposit machines (CDMs) and increased its microfinance centres to 59 in 2012.

RESTRUCTURING, TRANSFORMATION, GROWTH

BSN also enhanced its operational efficiency through a restructuring of its core activities i.e. Retail, Community and Support. Understanding the need to be relevant, BSN initiated the Core Banking project in 2012 as part of its business transformation agenda. It will essentially replace the existing core banking system as it would alter the current business model, the way the Bank is run, improve its competitiveness, operational efficiency and regulatory compliance. With its more modular, scalable and highly flexible system, it would create a platform for the bank to innovate and adapt easily to the evolving environment easily.

REACHING OUT TO THE COMMUNITY

The Bank is strongly committed to performing its role as a responsible Malaysian corporate citizen through its contribution to the wellbeing of society and the community it operates in. On the corporate social responsibility side, BSN conducted the Intervarsity Social Venture Challenge for all public and private university students. The Challenge is a platform for students from universities to propose commercially viable that will help in the advancement of the community.

With more than 200 students participating in 2012, the programme acted as a launch pad for students to develop entrepreneurship skills by establishing a sustainable business for the community. 38 proposals were received this year, from all key universities in the country. The winners were given RM25,000, RM15,000, RM10,000 and RM500 respectively, as well as a host of other fantastic prizes.

The BSN Putrajaya Night Marathon was also held this year with 10,000 people taking part in the event. For the year under review, the "Spend and Donate" campaign was launched in conjunction with the event, and all proceeds received were donated to Women's Aid Organisation and the Malaysian Glaucoma Society.

KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi

Deputy Chairman's Statement

Satu lagi program disertai oleh lebih 135 'BSN Community Rangers' dan ahli-ahli FSTEP (*Financial Sector Talent Enrichment Programme*) yang melawat Rumah Orang Tua Al-Ikhlas di Puchong dan menghulurkan bantuan berbentuk peralatan dan barangan keperluan harian untuk kegunaan penghuni rumah tersebut.

LEMBAGA PENGARAH

Prestasi BSN yang membanggakan ini berjaya dicapai berkat bimbingan dari para pengarah yang luas berpengalaman. Kemahiran serta pengetahuan mendalam mereka menjadi satu faktor utama yang membantu BSN terus positif dalam lanskap ekonomi yang penuh cabaran.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengalu-alukan pelantikan Datuk Azizan Abd Rahman sebagai pengarah bermula 2 Mac 2012.

Saya juga ingin mengucapkan terima-kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah yang turut membantu mengemudi BSN kepada kejayaan yang tercapai setakat ini. Kami menghargai kebijaksanaan dan sokongan yang diberikan sepanjang 2012.

KATA-KATA PENUTUP

Perjalanan kita sepanjang 2012 begitu mengagumkan, dengan pelbagai inisiatif diperkenalkan dan pertumbuhan dialami dalam beberapa sektor. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada beberapa agensi, lebih-lebih lagi Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia di atas sokongan mereka.

Walaupun keadaan ekonomi penuh cabaran, semua pihak telah mengembleng tenaga menumpu kepada keperluan bank dan pelanggan serta melakukan apa yang diperlukan untuk masa depan yang cerah bagi BSN. Kita tidak akan meneroka perjalanan sejauh ini tanpa komitmen dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pengurusan dan semua kakitangan. Kesetiaan serta kerja keras mereka telah menghasilkan prestasi yang begitu membanggakan.

Ucapan terima kasih juga kepada semua pelanggan yang tetap setia bersama kami, selama ini. Kami percaya BSN akan terus berkembang untuk menjadi lebih teguh dengan adanya sokongan dan keyakinan dari anda semua.

More than 135 BSN Community Rangers and members of Financial Sector Talent Enrichment Programme (FSTEP) took part in the outreach programme where they visited the Rumah Orang Tua Al-Ikhlas in Puchong, Selangor. The volunteers spent some time with the residents of the Home, cleaning up the interior and exterior of the home.

BOARD OF DIRECTORS

The strong performance experienced by BSN is also due to the clear stewardship received from the well-experienced Board of Directors, who have remained steadfast and firm in upholding the reputation of the bank. Their exceptional expertise and in-depth knowledge is indeed a clear and present factor that has helped manoeuvre through the challenging economic landscape.

I would also like to take this opportunity to welcome the appointment of Datuk Azizan Abd Rahman as a member of the BSN Board of Directors, with effect from 2 March 2012.

On that note, I would like to thank my colleagues on the Board who have helped steer the Bank towards achieving the successes to date. We are very grateful for their wisdom and support throughout 2012.

CLOSING REMARKS

It has indeed been an incredible journey in 2012, with the many initiatives introduced and growth experienced in a number of sectors. On behalf of the Board of Directors, I would like to extend my gratitude to the many agencies, especially the Ministry of Finance and the Central Bank of Malaysia for their support.

Despite a challenging economic backdrop, everyone has pulled together, focused on the needs of the Bank and its customers, and did everything that was necessary for the future of BSN. We would not have gone this far without the commitment and teamwork received from the management and staff of the Bank. Their loyalty and hard work has resulted in the sterling performance achieved.

For our customers who have stayed true to the Bank, thank you, and we believe we will grow stronger, with your continued support and confidence in us.



DATUK NOZIRAH BAHARI

TIMBALAN Pengerusi/
DEPUTY CHAIRMAN

LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



Duduk dari Kiri ke Kanan/Seated from Left to Right:

Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung, Y. Bhg. Datuk Adinan Maning,
Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari, Y. Bhg. Dato' V. Danapalan

Berdiri dari Kiri ke Kanan/Standing from Left to Right:

Encik Alex Foong Soo Hah, Y. Bhg. Datuk Azizan Abd Rahman, Encik Md. Tajuddin Md. Isa,
Tuan Hj. Ghazali Awang, Pn. Ummul Shirin Mohamed Thalha (Setiausaha Lembaga/*Board Secretary*)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH *Board of Directors' Profile*



DATUK NOZIRAH BAHARI

Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman

Datuk Nozirah Bahari dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2007. Pada masa ini, Datuk Nozirah ialah Timbalan Pengerusi Bank Simpanan Nasional.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma dalam Pentadbiran Awam dari INTAN.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya di Perbendaharaan Malaysia pada 1981, dan telah berkhidmat di beberapa kementerian dalam pelbagai jawatan yang meliputi perancangan ekonomi, pengurusan perolehan dan pengurusan kewangan. Beliau kini bertugas di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad, Proton Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Datuk Nozirah Bahari was appointed to the Board on 1 June 2007. Datuk Nozirah is currently the Deputy Chairman of Bank Simpanan Nasional.

She holds a Bachelors Degree in Social Science from University Sains Malaysia and a Diploma in Public Administration from INTAN.

She has over 30 years of experience in the public sector, mainly in the area of financial management. She started her career at the Malaysian Treasury department in 1981, and has served several ministries in various capacities covering economic planning, procurement management and financial management. She is currently serving the Ministry of Finance as Deputy Secretary General, Treasury (Management).

She currently sits on the Board of Tenaga Nasional Berhad, Proton Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), FELDA Holdings Berhad, Malaysia Sukuk Global Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) and Private Pension Administrator (PPA).

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *Board of Directors' Profile*



DATO' NG KAM CHEUNG

Ahli

Member

Dato' Ng Kam Cheung dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 25 September 2007. Dato' Ng memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

Beliau mempunyai lebih daripada 33 tahun pengalaman dalam sektor awam dengan menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian. Beliau mula bertugas dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1973 dan bersara sebagai Pegawai Kewangan Negeri bagi Kerajaan Pulau Pinang.

Dato' Ng Kam Cheung was appointed to the Board on 25 September 2007. Dato' Ng Holds a Bachelor's Degree in Economics from University Malaya.

He has over 33 years of experience in the public sector, serving various ministries under various capacities. He started work in the government service as Assistant Director in the Public Services Department in 1973 and retired as the State Financial Officer for the State of Penang.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *Board of Directors' Profile*



DATO' V. DANAPALAN

Ahli

Member

Dato' V. Danapalan dilantik ke Lembaga Pengarah pada 25 September 2007. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam dan telah memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan. Beliau bersara sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan di Perbadanan Pembangunan Multimedia dan juga Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari 2004-2006.

Pada masa ini, Dato' Danapalan merupakan Ahli Lembaga Pengarah Telekom Malaysia Berhad, Universiti Telekom Sdn Bhd, Affin Trust Management Sdn Bhd, Sirim QAS International Sdn Bhd dan Yayasan Universiti Sains & Teknologi Malaysia.

Dato' V. Danapalan was appointed to the Board on 25 September 2007. He holds a B.A (Hons) from University Malaya and a Masters in Public Administration from Pennsylvania State University USA.

He has over 30 years of experience in the public sector and has held various positions in the Government service. He retired as the Secretary General under the Ministry of Science, Technology and the Environment. He also served as the Senior Vice President of the Multimedia Development Corporation as well as the Chairman of the Malaysian Communication and Multimedia Commission from 2004-2006.

Dato' Danapalan currently sits on the Board of Telekom Malaysia Berhad, Universiti Telekom Sdn Bhd, Affin Trust Management Sdn Bhd, Sirim QAS International Sdn Bhd, Malaysia University of Science & Technology Foundation, Maybank Foundation and Tun Sambanthan Scholarship Fund.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Board of Directors' Profile



TUAN HAJI GHAZALI AWANG

Ahli

Member

Tuan Haji Ghazali Awang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Februari 2007. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Perdagangan (Perakaunan) dari University of Newcastle, Australia dan merupakan Akauntan Berdaftar dengan Institute of Chartered Accountants, Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki Diploma dalam Pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tuan Haji Ghazali mempunyai pengalaman luas dalam pengauditan, perakaunan dan pengurusan kewangan, dan merupakan Pengarah Kumpulan bagi Perkhidmatan Kewangan dan Korporat di bawah Kumpulan Guthrie dari 1994-2003. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan di Kumpulan Syarikat Shell dari 1987-1994 serta pernah berkhidmat di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Pada masa ini, Tuan Haji Ghazali merupakan Ahli Lembaga Pengarah Heitech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan Lembaga Tabung Haji.

Tuan Haji Ghazali Awang was appointed to the Board on 12 February 2007. He holds a Bachelor's Degree in Commerce (Accounting) from the University of Newcastle, Australia and is a Registered Accountant with the Institute of Chartered Accountants, Australia and the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a Diploma in Islamic Studies from the International Islamic University, Malaysia.

Tuan Haji Ghazali has extensive experience in auditing, accounting and financial management and was the Group Director for Financial and Corporate Services under the Guthrie Group from 1994-2003. He also served with the Shell Group of Companies in various capacities from 1987-1994 as well as Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad.

Tuan Haji Ghazali currently sits on the Board of HeiTech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad and Lembaga Tabung Haji.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *Board of Directors' Profile*



ENCIK MD TAJUDDIN MD ISA

Ahli

Member

Encik Md Tajuddin Md Isa dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 15 September 2010. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of Sheffield, England. Beliau juga memperoleh Diploma Lulusan Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang, Encik Md Tajuddin pernah memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan tentera dari Januari 1979 hingga Ogos 1986. Beliau kini merupakan Rakan Pengurusan Md. Tajuddin & Co yang ditubuhkan pada Julai 1993.

Encik Md Tajuddin Md Isa was appointed to the Board on 15 September 2010. Encik Md Tajuddin holds a Bachelor's Degree in Law from the University of Sheffield, England. He also obtained a Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University, Malaysia.

Prior to reading law, Encik Md Tajuddin held various positions in the military service from January 1979 to August 1986. He is currently the Managing Partner of Md. Tajuddin & Co which was set up in July 1993. He currently sits on the Board of Dana Amal Jariah and is also a member of the Disciplinary Committee Panel of the Advocates & Solicitors Disciplinary Board.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Board of Directors' Profile



ENCIK ALEX FOONG SOO HAH

Ahli

Member

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September 2010. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Matematik dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Sains Aktuari dari North Eastern University, Boston. Beliau merupakan Felo Persatuan Aktuari Amerika Syarikat. Beliau ditauliahkan sebagai Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) pada tahun 2008 dan juga kelayakan RFP Syariah pada tahun 2009.

Beliau mempunyai lebih daripada 35 tahun pengalaman dalam industri insurans dengan memulakan kerjayanya sebagai pembantu aktuari dengan kumpulan insurans antarabangsa di Hong Kong. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif Manulife Insurance Berhad dari 1991 hingga Ogos 1996. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad dari September 1996 hingga Januari 2008.

Pada masa ini, Encik Alex Foong merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Institut Insurans Malaysia serta ahli Jawatankuasa Pengkadaran di Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC). Sebelum ini, beliau pernah menyertai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan MARC. Beliau juga merupakan mantan presiden Life Insurance Association (LIAM) dan juga Persatuan Aktuari Malaysia.

Encik Alex Foong Soo Hah was appointed to the Board on 1 September 2010. He holds a Bachelor's Degree in Mathematics from University Malaya and a Master's Degree in Actuarial Science from North Eastern University, Boston. He is a Fellow of the Society of Actuaries, USA. He obtained his Registered Financial Planner (RFP) and Shariah RFP qualification in 2008 and 2009, respectively.

He has over 35 years experience in the insurance industry, having started his career as an actuarial assistant with an international insurance group in Hong Kong. He was formerly the CEO of Manulife Insurance Berhad from 1991 to August 1996. From September 1996 to January 2008, he was appointed as the Director and CEO of Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad.

Encik Alex Foong currently sits on the Board of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, and is a member of the Rating Committee of Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC). He previously served on the Board of Directors of Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) and MARC. He was also a past president of the Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) as well as the Actuarial Society of Malaysia.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *Board of Directors' Profile*



DATUK AZIZAN ABDUL RAHMAN

Ahli

Member

Datuk Azizan Abdul Rahman dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 2 Mac 2012.

Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Queensland, Australia. Datuk Azizan ialah felo CPA Australia dan akauntan bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Sebelum ini Datuk Azizan ialah ketua pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dari Julai 2005 ke September 2011. Beliau juga pernah menjadi pengarah Jabatan Penyeliaan Perbankan Bank Negara Malaysia dan berkhidmat di BNM dari April 1979 hingga Jun 2005.

Ketika ini Datuk Azizan ialah Pengerusi Permodalan BSN Bhd, Kensington Trust Labuan Limited, Metro Money Exchange Sdn. Bhd. dan Malaysian Rating Corporation Berhad. Beliau juga menjadi ahli lembaga pengarah MIDF Amanah Investment Bank Bhd dan Barakah Offshore Petroleum Berhad.

Datuk Azizan Abdul Rahman was appointed to the Board on 2 March 2012.

He holds a Bachelor's Degree (Hons) in Accounting from the University of Malaya and a Master's Degree in Business Administration from the University of Queensland, Australia. He is a Fellow Member of CPA (Australia) and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants.

Datuk Azizan was formerly the Director-General of Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) from July 2005 to September 2011. Prior to this, he was the Director of Banking Supervision Department in Bank Negara Malaysia (BNM). He was with BNM from April 1979 to June 2005, where his career spanned several positions in the areas of finance, examination and supervision.

He is currently the Chairman of Permodalan BSN Bhd, Kensington Trust Labuan Limited, Metro Money Exchange Sdn. Bhd. and Malaysian Rating Corporation Berhad. He is also a board member of MIDF Amanah Investment Bank Bhd and Barakah Offshore Petroleum Berhad.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Board of Directors' Profile



DATUK ADINAN MANING

Ahli
Member

Datuk Adinan Maning menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Disember 2007. Beliau merupakan Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional.

Datuk Adinan mendapat pengajian dalam bidang perakaunan di Institut Teknologi MARA (1976 hingga 1979) dan seterusnya menduduki peperiksaan Institut Akauntan Kos dan Pengurusan (kini dikenali sebagai Institut Akauntan Pengurusan Berkanun).

Datuk Adinan memulakan kerjayanya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada awal 1980 sebagai eksekutif di Ibu Pejabat, Jabatan Pemprosesan Pinjaman dan telah berkhidmat di BBMB selama lapan belas (18) tahun. Sepanjang tempoh itu, beliau telah ditempatkan di pelbagai jabatan di BBMB yang memberi beliau pendedahan dan pengetahuan yang luas dalam perbankan. Jawatan terakhir beliau di BBMB adalah sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan untuk Pinjaman Komersil di Selangor.

Pada akhir 1998, Datuk Adinan memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan syarikat Panji Timor Sdn Bhd yang berpangkalan di Negeri Sembilan. Sepanjang tempoh memegang jawatan, beliau mengumpulkan pengalaman yang amat berharga dalam menguruskan unit perniagaan yang melibatkan pembangunan hartanah, pengurusan kompleks dan perkilangan. Pada 2005, Datuk Adinan menyertai Kuantan Flour Mills Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 31 Disember 2005. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Operasi di Prokhas Sdn Bhd sehingga November 2007.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah BSNC Corporation Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad. Beliau juga merupakan Presiden Institut Bank Simpanan Dunia Wilayah Asia Pasifik, Bendahari Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia, Timbalan Pengerusi Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Resolusi Hutang Kecil di Bank Negara Malaysia.

Datuk Adinan Maning was appointed to the Board on 1 December 2007. He is the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional.

Datuk Adinan pursued accountancy in Institute Teknologi MARA (1976 to 1979) where he completed the examinations of the Institute of Cost and Management Accountants (now known as Chartered Institute of Management Accountants).

Datuk Adinan started his career in Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) in early 1980 as an executive in the Loans Processing Department, Head Office and served at BBMB for eighteen years. Over the 18 years, he was attached to various departments of BBMB, giving him extensive exposure and knowledge in banking. His last position in BBMB was as the Business Development Manager for Commercial Loans in Selangor.

In late 1998, Datuk Adinan assumed the post of Chief Executive Officer of Panji Timor Sdn Bhd group of companies based in Negeri Sembilan. During his tenure, he gathered invaluable experience in managing business units involved in property development, complex management and manufacturing. In 2005, Datuk Adinan joined Kuantan Flour Mills Berhad as Chief Executive Officer; holding the position until 31 December 2005. He then joined Prokhas Sdn Bhd as General Manager, Operations until November 2007.

- *Ensuring that all directors undergo appropriate induction programs and receive continuous training; and*
- *Overseeing appointment, management succession planning and performance evaluation of key senior officers, and recommending to the board the removal of key senior officers if they are ineffective, errant and negligent in discharging their responsibilities.*

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk 2012 NC telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

BIL NO	PENGARAH DIRECTOR	KEHADIRAN MESYUARAT MEETING ATTENDANCE
1.	Dato' V. Danapalan	7/7
2.	Datuk Nozirah Bahari	6/7
3.	Datuk Adinan Maning	6/7
4.	Encik Md Tajuddin Md Isa	7/7
5.	Dato' Ng Kam Cheung	4/4*

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli.
Refers to the number of meetings attended from the Director's date of appointment to the Board.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The NC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2012, the NC met seven times. The attendance recorded for the members of the NC is as follows:-

JAWATANKUASA SARAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Saraan (RC) ialah untuk menyediakan prosedur formal dan tulus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (i) Mengesyorkan rangka imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:
- didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga penuh. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan Lembaga.
 - menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul pengarah individu, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama.
 - lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan.
 - wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.

REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Remuneration Committee (RC) is to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and key senior officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the BSN's culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the RC are as follows:-

- (i) Recommending a framework of remuneration for directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration policy should:
- be documented and approved by the full board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the full board;
 - reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and key senior officers;
 - be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and key senior officers of caliber needed to manage the BSN successfully; and
 - be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to subsidise excessive remuneration packages.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

(ii) Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Pakej berkenaan patut:

- Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga penuh.
- Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama.
- Tidak ditentukan oleh budi biacara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu.
- Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Untuk 2012 RC telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

(ii) *Recommending specific remuneration packages for directors, chief executive officer and key senior officers. The remuneration packages should:*

- *be based on an objective consideration and approved by the full board;*
- *take due consideration of assessments of the nominating committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive Officer or key senior officers concerned;*
- *not be decided by the exercise of sole discretion of any one individual or restricted group of individuals; and*
- *be competitive and is consistent with the BSN's culture, objective and strategy.*

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The RC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2012, the RC met seven times. The attendance recorded for the members of the RC is as follows:-

BIL NO	PENGARAH DIRECTOR	KEHADIRAN MESYUARAT MEETING ATTENDANCE
1.	Encik Md Tajuddin Md Isa	7/7
2.	Dato' Ng Kam Cheung	7/7
3.	Dato' V. Danapalan	7/7
4.	Datuk Azizan Abdul Rahman	5/5*

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli. Refers to the number of meetings attended from the Director's date of appointment to the Board.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT Statement of Corporate Governance

KENYATAAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman (JAD) bertanggungjawab menjalankan tugas audit dalaman di BSN. Ianya bebas dan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) dan secara pentadbirannya kepada Ketua Eksekutif (KE). Bagi melindungi aset dan kepentingan bank, JAD ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melalui JAP dan menjalankan tanggungjawab untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang lebih baik. Kuasa, rangka kerja dan tanggungjawab JAD berpandukan Piagam Audit yang dikaji dan diluluskan oleh JAP.

Misi JAD ialah menyediakan semakan dan keseimbangan, penilaian bebas dan perundingan untuk memastikan pencapaian Bank melalui:

- Menyediakan penilaian bebas, fungsi jaminan yang berobjektif dan nasihat mengenai amalan terbaik dalam menambah nilai serta meningkatkan operasi Bank ke tahap tertinggi;
- Membantu Bank mencapai matlamat dengan menilai dan memperbaiki keberkesanan sistem pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus korporat;
- Membina pasukan audit yang profesional dan cekap dengan melaksanakan pendekatan audit dan teknologi yang terbaik.

Tugas dan tanggungjawab JAD ialah:

- Menjalankan semakan berkala ke atas semua jabatan, bahagian dan cawangan, termasuk bidang berisiko tinggi, sistem dan khidmat luaran;
- Mengkaji semula polisi, garis panduan dan manual prosedur;
- Mengkaji semula serta menilai semua produk, perkhidmatan dan pelaksanaan automasi baharu;
- Mengesahkan pelan ujian sistem dan hasil ujian sebelum pelaksanaan sebenar;
- Cadangan penambahbaikan proses;
- Menyelaras kajian semula tindakan jejak pembetulan penemuan audit – dalam dan luaran (BNM, Jabatan Audit Negara, Audit Luar);
- Siasatan;
- Latihan – menyediakan latihan kepada unit audit dan perniagaan mengenai kawalan dan kesedaran mengenai penipuan;
- Audit berterusan;
- Peranan rundingcara.

INTERNAL AUDIT DISCLOSURE

The Internal Audit Department (IAD) is responsible to carry out the internal audit function in BSN. IAD is an independent department and reports directly to the Audit and Examination Committee (AEC) and administratively to the Chief Executive (CE). As to safeguard the Bank's asset and interest, IAD was established to support the Board via AEC and discharge their responsibilities of maintaining a sound system of Bank's internal control. The authority, working scope and responsibilities of IAD are governed by Audit Charter which was revised and approved by the AEC.

IAD's mission is to provide checks and balances, independent assessment and consultation to ensure the achievement of the Bank, through the following:

- *To provide an independent appraisal, objective assurance function and advisory role on best practice to add value and improve the Bank's operations to the highest standards;*
- *To assist the Bank to accomplish its objectives by evaluating and improving the effectiveness of risk management systems, internal controls and corporate governance processes;*
- *To build a professional & efficient Audit team by implementing the best audit approach & technology.*

IAD's roles and responsibilities are:

- *Conduct periodic review on all departments, divisions and branches including high risk areas, system and outsourcing;*
- *Review policies, guidelines and procedural manuals;*
- *Review & appraise new products/services/automation implementation;*
- *Verification of systems test plan, test results, before "live" implementation;*
- *Process improvements recommendations;*
- *Coordinate the corrective actions review and tracking – Internal and External (BNM, Auditor General, External Auditor);*
- *Investigations;*
- *Training – provide training to audit & business units on controls & fraud awareness;*
- *Continuous Auditing;*
- *Consultative Role.*

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

JAD memberi jaminan yang munasabah dan bebas serta nasihat mengenai amalan terbaik yang dapat memperbaiki dan menambah nilai kepada Bank. Ia mengamalkan pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus korporat, pengurusan risiko, proses-proses kewangan, operasi dan pematuhan. Jabatan ini menyelaraskan aktiviti-seiring dengan pelan dan matlamat perniagaan/strategik Bank. Kaedah berasaskan risiko digunakan untuk memastikan kawalan yang menangani risiko dikenalpasti dan dikaji semula secara berkala.

Pada 2012, JAD melaksanakan 291 lawatan, iaitu 268 untuk audit Operasi dan Pengurusan iaitu Ibu Pejabat (15), Khidmat Luaran (2), Anak Syarikat (1), Proses Berisiko Tinggi (2), Cawangan Utama (13), Cawangan Zon (95), Cawangan Mini (80), Audit Khas/Adhoc (47), Wang-Dalam-Premis (WDP) dan Pemantauan CCTV (13), serta 23 lawatan untuk Audit Teknologi Maklumat iaitu Proses Berisiko Tinggi (12), Audit Aplikasi (8), Subsidiari (1) dan Audit Khas (2).

Laporan-laporan audit dalaman yang dikeluarkan menyatakan tentang penilaian bebas dan berobjektif mengenai perkara-perkara berikut:

- Kewujudan, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman untuk mengurus aset dan kepentingan Bank;
- Kecukupan dan keberkesanan operasi pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan fungsi pematuhan untuk mengurus dan menjangka potensi risiko terhadap proses perniagaan utama.

Laporan audit dalaman diserahkan kepada pihak pengurusan untuk maklumbalas, tindakan pembetulan dan penentuan tarikh sasaran tindakan pencegahan dan pembetulan. Ini bagi memastikan pihak pengurusan akan bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan pencegahan dan pembetulan tentang isu/kelemahan/kekurangan yang dilaporkan. Seterusnya, laporan itu dibentangkan kepada JAP untuk perbincangan pada setiap suku tahun (sekurang-kurangnya).

IAD provides independent, reasonable assurance and advice on best practices that will improve and add value to the Bank. IAD adopts a systematic and disciplined approach in order to evaluate adequacy and effectiveness of the corporate governance, risk management, financial, operational and compliance processes. IAD aligns its activities to the Bank's strategic/business plan/objectives and a risk-based methodology is being selected to ensure the relevant controls addressing risks are identified and reviewed on regular basis.

In 2012, IAD had implemented a total of 291 visits which comprises of 268 visits for Operational & Management Audit i.e. Headquarters (15), Outsourcing (2), Subsidiary (1), High Risk Processes (2), Main Branches (13), Zone Branches (95), Mini Branches (80), Adhoc/Special Audit (47) and Cash-In-Premises & CCTV Monitoring (13); and 23 visits for Information Technology Audit i.e. High Risk Processes (12), Application Audit (8), Subsidiary (1) and Special Audit (2).

The internal audit reports issued provide independent and objective assessment of the following:

- *Existence, effectiveness and adequacy of the internal control systems to manage operations and safeguard the Bank's assets and interests;*
- *Adequacy and effectiveness of the risk management operations, corporate governance and compliance functions to manage and anticipate potential risks over key business processes.*

The internal audit reports arising from the assignments were issued to management for their response, corrective actions and provision of deadlines to complete the relevant preventive and corrective actions. This is to ensure that they will undertake the responsibility of carrying out preventive and corrective actions on the issues/weaknesses/lapses reported. Then, the reports would be tabled to the AEC for their deliberation on a quarterly basis (at minimum).

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH Shariah Committee Report

1. JAWATANKUASA SYARIAH ("JKS")

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Islam (IKI), satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan JKS ini selari dengan keperluan Seksyen 3 (5) (b) Akta Perbankan Islam 1983 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam ("SGF") yang dikeluarkan oleh BNM yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. JKS ini berperanan untuk menasihatkan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam memastikan operasi Bank selari dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Dari segi fungsinya, JKS ini bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah Bank. Untuk memastikan pematuhan Syariah dan pelaksanaan keputusan JKS dan Majlis Penasihat badan kawal selia seperti BNM, Bank menjalankan fungsi Semakan dan Pematuhan, Khidmat Nasihat dan Penyelidikan serta fungsi Audit Syariah untuk menyokong pelaksanaan prinsip Syariah di seluruh organisasi.

2. KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Ahli JKS terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang perdagangan Islam (fiqh al-mu'amalat). Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada lima (5) ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

3. MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, sepuluh mesyuarat JKS telah diadakan sepanjang dua belas bulan seperti yang berikut:

Mesyuarat/Meeting	Tarikh/Date	Peratus Kehadiran Ahli/Percentage of Members' Attendance
1/2012	27 Januari/January 2012*	80%
1/2012	24 Februari/February 2012	80%
2/2012	26 Mac/March 2012*	100%
2/2012	2 April/April 2012	100%
3/2012	23 Mei/May 2012	100%
3/2012	26 Julai/July 2012*	100%
4/2012	8 Oktober/October 2012*	100%
4/2012	19 Oktober/October 2012	100%
5/2012	6 November/November 2012	80%
6/2012	20 Disember/December 2012	100%

* Mesyuarat Khas/Special Meeting

4. KEHADIRAN JAWATANKUASA SYARIAH

Butir-butir kehadiran JKS adalah seperti yang berikut:

BIL/NO	AHLI JAWATANKUASA SYARIAH/SHARIAH COMMITTEE MEMBERS	KEHADIRAN/ATTENDANCE
1.	Dr Mohd Fuad Md. Sawari	10/10
2.	Tuan Hj. Zainudin Ismail	10/10
3.	Dr. Ahmad Zaki Salleh	9/10
4.	Tuan Hj. Md. Tajuddin Md. Isa	9/10
5.	Dr. Fauziah Mohd Noor	9/10

1. SHARIAH COMMITTEE ("SC")

As an Islamic Financial Institution (IFI), a Shariah governance framework is put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SC in line with the requirement of Section 3 (5) of the Islamic Banking Act 1983 ("IBA 1983") and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions ("SGF") issued by BNM which took effect on 1 January 2011. The SC serves to advise the Board and Management in ensuring that the Bank's operations are in line with Shariah principles.

Functionally, the SC reports to the Board of Directors of the Bank. In ensuring Shariah compliance and implementing decisions of SC and Shariah Advisory Council of the regulators, Bank Negara Malaysia, the Bank performs Shariah Review and Compliance, Advisory and Research as well as Shariah Audit functions to support the implementation of Shariah throughout the organisation.

2. COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualification and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (usul al-fiqh) and Islamic commercial laws (fiqh al-mu'amalat). In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of five (5) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge.

3. MEETINGS OF SHARIAH COMMITTEE

For the financial year ended 31 December 2012, ten SC meetings were held during the twelve months period, as follows:

4. ATTENDANCE OF SHARIAH COMMITTEE

The details of SC attendance are as follows:

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

Bank Simpanan Nasional terus mempelbagaikan usaha dalam memperkasakan lagi mutu perbankan selaras dengan peranan penubuhannya untuk menggalakkan tabiat menabung di kalangan masyarakat.

Bank Simpanan Nasional continued with efforts to enhance its banking standards in line with the objective of its formation – to encourage the savings habit of the community.



Inisiatif berterusan menggalakkan orang ramai menyimpan dengan BSN.
Continuous initiatives to encourage the people to save with BSN.

KEMPEN HAPPY GOLD RUSH

Dalam tahun 2012 Bank Simpanan Nasional terus menggandakan pelbagai inisiatif dalam memperkasakan produk-produknya dengan mempelbagaikan kempen untuk menggalakkan pelanggan dan orang ramai terus melabur dengan BSN.

Di antaranya ialah Kempen Happy Gold Rush yang bermula dari bulan Januari hingga April 2012. Peraduan ini berasaskan penyertan dalam produk-produk Pinjaman Peribadi BSN/Pembiayaan Peribadi-i BSN AFLAH, Pinjaman Giro Home/Pembiayaan Perumahan-i BSN An Naim, BSN Sewa Beli, BSN Pengurusan Kekayaan dan Kad Kredit BSN/Kad Kredit-i Al Aiman. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah jongsong emas seberat 20gm, 50gm, 1kg serta 100 baucer emas bernilai RM300 setiap satu.

Sebagai menghargai para pelanggannya, BSN telah membuat pembayaran tambahan 2% ke atas keuntungan yang sedia ada kepada semua pemegang akaun simpanan BSN GIRO-i berdasarkan baki purata sepanjang tahun 2011 yang dibayar mulai bulan Februari 2012. Akaun simpanan yang berasaskan konsep Mudharabah atau perkongsian untung ini memberikan kemudahan dari segi pengurusan kewangan individu.

THE HAPPY GOLD RUSH CAMPAIGN

BSN introduced various initiatives and campaigns throughout 2012 as part of its goals to strengthen its product base as well as to encourage customers and the public at large to continue to invest with BSN.

One such initiative was the Happy Gold Rush Campaign which took place from January to April 2012. This competition was based on customers' participation in products which included the BSN Personal Loans/BSN AFLAH, Giro Home Loans/BSN An Naim, BSN Hire Purchase, BSN Wealth Management and BSN Credit Cards/BSN Al Aiman. The prizes were gold wafers weighing 20gm, 50gm and 1kg plus 100 gold vouchers worth RM300 each.

To honour its customers, the bank added an extra 2% to the existing profits for all savings account holders of BSN GIRO-i based on the average balance for 2011 that was paid beginning February 2012. This savings account, which is based on the Mudharabah concept of profit sharing, encourages customers to be more financially responsible.

LAPORAN AKTIVITI Activity Report



Jack Lim, DJ dan pelakon yang juga Duta BSN menyertai cabutan SSP. Jack Lim, a DJ and an actor who is also BSN's Ambassador participating in a Premium Savings Certificate draw.

SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP)

Skim Sijil Simpanan Premium (SSP) dengan konsep SIMPAN, KEKAL & MENANG terus mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai dengan tawaran hadiah-hadiah menarik dan eksklusif kepada penyimpan-penyimpan SSP sepanjang tahun 2012. Lebih 37,000 hadiah bernilai lebih RM14 juta telah disediakan pada tahun 2012 berbanding lebih 30,000 hadiah yang ditawarkan pada tahun 2011. Bagi tahun tersebut, BSN masih mengekalkan hadiah kereta-kereta mewah seperti Mercedes Benz E200 CGI, Mercedes Benz C200EL, BMW 520i F10 dan BMW 320i. Pada tahun tersebut juga Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam muzakarahnya pada 14 Februari 2012 telah memperakukan skim SSP adalah mematuhi prinsip Syariah sepenuhnya.

Hadiah-hadiah lain termasuk jongsong emas, motosikal Modenas GT128, pelbagai jenis gajet elektronik, SSP dan pelbagai lagi hadiah yang menarik telah ditawarkan. SSP Edisi khas yang dilancarkan pada bulan Oktober 2011 juga dilanjutkan sehingga 31 Mac 2012. Ini adalah untuk memberi peluang kepada lebih ramai lagi masyarakat untuk menyertai skim simpanan yang tidak hanya menawarkan pelbagai hadiah tetapi juga menawarkan dividen.

Di samping itu juga satu kategori cabutan khas turut diperkenalkan dalam tahun 2012 iaitu Cabutan SSP Ekstra yang menawarkan lebih 500 hadiah yang menarik seperti Tablet Samsung, Kamera DSLR, TV LED dan baucar membeli-belah. Cabutan SSP Ekstra ini dilakukan sebanyak empat kali iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember tahun 2012.

PREMIUM SAVINGS CERTIFICATE SCHEME (SSP)

The Premium Savings Certificate Scheme (SSP) with the SAVE, RETAIN & WIN concept continued to receive favourable response from the public with its attractive and exclusive prizes to SSP savers throughout the year. Over 37,000 prizes worth a total of RM14 million were set aside for 2012 compared to over 30,000 prizes the year before. Luxury cars such as the Mercedes Benz E200 CGI, Mercedes Benz C200EL, BMW 520i F10 and BMW 320i were amongst the main prizes. Also in 2012 the National Fatwa Council for Islamic Affairs on February 14 ruled that SSP scheme is fully Syariah-compliant.

Other prizes included gold wafers, the Modenas GT128 motorcycle, various electronic gadgets and in the form of SSP. The SSP Special Edition launched in October 2011 was also extended to 31 March 2012, to allow for more people to participate in a scheme that not only offers attractive prizes but also dividends.

A special draw, the SSP Extra Draw, was introduced in 2012 which offered over 500 prizes including the Samsung tablet, DSLR camera, LED TV and shopping vouchers. The draws were conducted in March, June, September and December 2012.

LAPORAN AKTIVITI

Activity Report



Skim SSP merupakan skim Simpan, Kekal dan Menang yang mendapat sambutan menggalakan daripada orang ramai.

The Premium Savings Certificate is a Save, Retain and Win scheme which continues to receive encouraging response from the public.

BSN juga mengekalkan cabutan khas iaitu Cabutan SSP "High Savers" yang diadakan pada tahun 2011 sebagai menghargai pelanggan-pelanggan BSN yang setia dan terus menyimpan dengan SSP. Hadiah-hadiah lumayan dan eksklusif seperti kereta mewah Audi A5 2.0 dan SSP bernilai di antara RM5,000 hingga RM50,000 dimenangi oleh penyimpan-penyimpan yang memenuhi kriteria yang dinyatakan.

BSN also retained the SSP High Savers special draw that was first held in 2011 as a measure of gratitude to the bank's loyal customers who continue to maintain their SSP savings. Attractive and exclusive prizes that included the Audi A5 2.0 and SSP worth between RM5,000 and RM50,000 were won by SSP holders who met the criteria.

PELANCARAN PERKHIDMATAN EJEN BANK BERDAFTAR BSN

Sebagai memenuhi mandat sosial BSN untuk terus komited menyediakan akses perbankan yang berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Negara, BSN pada 14 Jun 2012 telah melancarkan perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar BSN (EBB). Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

LAUNCH OF THE EJEN BANK BERDAFTAR BSN

On 14 June 2012, the Bank launched the Ejen Bank Berdaftar (EBB) service as part of its social mandate and firm commitment in providing access to quality banking for every strata of society throughout the country. The event was officiated by Second Finance Minister YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

Dengan pelancaran perkhidmatan ini pelanggan dan orang ramai berpeluang untuk melakukan transaksi perbankan yang terpilih dengan mana-mana ejen yang berdaftar dan diberi kuasa oleh BSN untuk menawarkan kemudahan kepada pelanggan terutama di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai perkhidmatan bank.

With this service, customers and the public can undertake selected banking transaction with any of the EBB outlets, especially in remote areas that do not have conventional banking services.

Menurut YB Dato' Seri Ahmad Husni Perkhidmatan EBB BSN merupakan sebahagian dari inisiatif untuk menggalakkan rangkuman kewangan seperti yang disarankan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 Bank Negara Malaysia. Ia merupakan saluran yang inovatif untuk meningkatkan akses yang mudah dan jangkauan kepada segenap lapisan rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah atau yang tinggal di kawasan luar bandar bagi menjalankan urusan niaga kewangan.

According to YB Dato' Seri Ahmad Husni, the EBB was one of the initiatives aimed at gathering capital as outlined in Bank Negara's Financial Sector Plan 2011-2020. It is an innovative channel that improves financial access and reach for every part of society, especially those in the lower income group or those in the rural areas.

LAPORAN AKTIVITI Activity Report



Perkhidmatan EBB – memperluas akses kewangan untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia.
EBB Service – broadens financial access for the benefit of all Malaysians.



Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning berkata "BSN akan sentiasa komited dalam menyokong agenda Kerajaan untuk meluaskan dan memastikan akses kewangan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia. Rangkuman kewangan yang luas amat penting untuk sistem kewangan yang mantap, progresif dan inklusif yang menyokong keseimbangan pertumbuhan ekonomi negara."

Di antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh EBB BSN adalah perkhidmatan deposit, pengeluaran wang, pembayaran bil utiliti, pembelian Sijil Simpanan Premium (eSSP) dan pembayaran tanpa tunai. Terdapat pelbagai manfaat yang boleh diperolehi daripada perkhidmatan EBB ini di antaranya ia dapat menjimatkan kos dan masa kerana ejen EBB beroperasi di kedai-kedai yang berdekatan dengan kediaman pelanggan seperti kedai runcit, kedai ejen telekomunikasi dan lain-lain. Perkhidmatan EBB juga lebih fleksibel dengan waktu perkhidmatan yang lebih panjang.

BSN DANA DIVIDEN AL-IFRAH DILANCAR

Permodalan BSN Berhad (PBSN), syarikat milik penuh BSN melancarkan satu Dana amanah baru pada 12 September 2012; BSN Dana Dividen Al-Ifrāh ("Al-Ifrāh"). Dana Ekuiti patuh Syariah, Al-Ifrāh telah menawarkan 800 juta unit saham pada harga RM0.25/unit dan melabur di dalam saham-saham yang memberi atau mempunyai potensi untuk memberikan pulangan sekurang-kurangnya 3% dividen kasar setahun.

The Chief Executive of BSN, Datuk Adinan Maning further added that BSN remained committed in supporting the government's financial inclusion agenda. A wide financial reach is an integral part of a sound financial sector, as it is progressive, inclusive and supports a balanced national economic growth.

Amongst the services provided by the EBB outlets are deposits, cash withdrawals, utilities bill payments, purchase of Premium Savings Certificates (eSSP) and cashless payments. One distinct advantage is its cost saving feature as the agents operate from shop lots like retail and telecommunication outlets that are located near customers' residences. It also gives customers added flexibility with its long operational hours.

THE LAUNCH OF BSN AL-IFRAH DIVIDEND FUND

Permodalan BSN Berhad (PBSN), a wholly-owned subsidiary of BSN, launched a new fund called the BSN Dana Dividen Al-Ifrāh. This Shariah-compliant fund offered 800 million shares at RM0.25/unit and invests in shares that gives or has the potential to give a gross dividend of at least 3% a year.

LAPORAN AKTIVITI

Activity Report



Al-frah – Dana Ekuiti patuh Syariah.
Al-frah – A Shariah compliant Equity Fund.

Berucap di majlis tersebut, Datuk Azizan Abd Rahman, Pengerusi PBSN menyatakan bahawa Al-frah adalah Dana ketiga yang ditawarkan dan diuruskan oleh PBSN untuk memberikan pulangan yang stabil dengan melabur di dalam saham-saham yang membayar dividen secara stabil. Sebagai Dana ekuiti, Al-frah akan mempunyai tahap pelaburan ekuiti yang tinggi dengan melabur sekurang-kurangnya 70% dari Nilai Aset Bersih (NAB) ke dalam saham-saham patuh syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Saham-saham dividen telah terbukti mampu bertahan ketika menghadapi kegawatan ekonomi dan pada masa yang sama mampu memberikan pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang. Saham-saham dividen mempunyai rekod yang tersendiri dalam menjana prestasi memberangsangkan ketika keadaan pasaran yang baik atau sebaliknya. Al-frah adalah salah satu peluang pelaburan yang terbaik yang ditawarkan oleh PBSN kepada para pelabur di dalam mengurus dan menjana kekayaan mereka.

At the launch, PBSN chairman Datuk Azizan Abd Rahman said the fund being the third to be offered and managed by PBSN, aims to provide a consistent income to its investors. As an equity fund, Al-frah has a high investment threshold and invests at least 70% of its Net Asset Value in Shariah-compliant stocks listed on Bursa Malaysia.

These stocks have shown to be resilient in the face of an economic downturn while at the same time providing growth in investments over the longer term. They also have a proven record in performing well in good times or otherwise. Al-frah is an excellent investment opportunity from PBSN for investors to manage and grow their wealth.

LAPORAN AKTIVITI Activity Report



Membantu kepada yang memerlukan.
A helping hand to the needy.

BSN TUNAI TANGGUNGJAWAB SERAH ZAKAT

Sebagai sebuah Bank Komuniti, BSN akan sentiasa memastikan pelanggan-pelanggannya mendapat akses perbankan dan kewangan, serta menyediakan pelbagai platform dan opsyen bagi kemudahan dan keselesaan para pelanggan. Selaras dengan matlamat ini, pelbagai produk dan perkhidmatan Perbankan Islam BSN yang berlandaskan Syariah ditawarkan. Bagi memenuhi tuntutan Syarak, BSN juga telah mengeluarkan wang zakat ke atas perniagaan Jabatan Perbankan Islam BSN. Wang zakat ini dikeluarkan setiap tahun dan diagihkan kepada mereka yang layak.

Bagi tahun 2012 BSN telah memperuntukkan pembayaran zakat sebanyak RM4.75 juta. Ini termasuk pemberian 20 buah van jenazah untuk masjid-masjid yang terpilih di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM2.26 juta. Sebahagian lagi diperuntukkan kepada Pusat Pungutan Zakat setiap negeri di Malaysia, pemberian khas untuk anak-anak yatim dan ibu tunggal dan tidak lupa kepada golongan Asnaf.

BSN FULFILLS ITS RESPONSIBILITY BY PAYING ZAKAT

As a community bank, BSN continues to provide its customers with numerous banking and financial products and services that will be beneficial to them. In line with this approach, various products, including an Islamic banking facility based on Shariah principles have been introduced. To ensure compliance with Syarak, BSN pays zakat on its Islamic banking business. Payment is done on a yearly basis to those who qualify.

For 2012, BSN provided RM4.75 million for this purpose, including RM2.26 to buy 20 hearses to be used by several mosques in the country. The balance was allotted to the zakat collection centres in all states and for special payments to orphans, single mothers and the hard core poor.

LAPORAN AKTIVITI

Activity Report



Timbalan Ketua Eksekutif, En. Yunos Abd Ghani bersama Penaung BSN Social Venture Challenge Y. Bhg. Datin Paduka Marina Mahathir merasmikan pertandingan akhir BSN SVC 2012.
Deputy Chief Executive, En. Yunos Abd Ghani and the Patron of BSN Social Venture Challenge Y. Bhg. Datin Paduka Marina Mahathir officiated the final round of BSN SVC 2012.



Menyemai semangat keusahawan di kalangan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi.
Inculcating the spirit of entrepreneurship among students of institutes of higher learning.

MAJLIS ANUGERAH 'BSN INTER VARSITY SOCIAL VENTURE CHALLENGE'

Majlis Anugerah Pertandingan "BSN Inter Varsity Social Venture Challenge" (SVC) telah diadakan pada 27 November 2012. Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Eksekutif BSN, En. Yunos Abd Ghani dan Y. Bhg. Datin Paduka Marina Mahathir, selaku penaung SVC dan juga sebagai ahli panel hakim.

SVC merupakan program di bawah aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat BSN di mana ianya dibuka kepada semua penuntut Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh Malaysia. Program yang diadakan untuk tahun ketiga ini diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan penuntut-penuntut IPTA dan IPTS untuk menghantar kertas cadangan berhubung rancangan perniagaan yang memberi impak kepada pembangunan komuniti. Rancangan perniagaan yang dicadangkan mestilah mempunyai elemen keusahawanan di mana projek yang dicadangkan mempunyai nilai komersil dan elemen impak sosial kepada komuniti.

Bagi tahun 2012, BSN telah menerima sebanyak 38 kertas cadangan dan telah menyenarai pendek 6 kumpulan yang terdiri dari Universiti Teknologi PETRONAS, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya dan dua penyertaan daripada Universiti Teknologi MARA.

THE BSN INTER-VARSITY SOCIAL VENTURE CHALLENGE (SVC) AWARDS CEREMONY

Held on 27 November 2012, the BSN Inter-Varsity Social Venture Challenge (SVC) awards ceremony was officiated by the Bank's Deputy Chief Executive, En. Yunos Abd Ghani and Y. Bhg. Datin Paduka Marina Mahathir, the SVC's patron and also member of the judging panel.

The SVC is an event under the BSN Corporate Social Responsibility programme and is open to students at public and private institutions of higher learning. The event, in its third year, aims to encourage students to submit business proposals that would benefit community development. The proposals must include elements of entrepreneurship, whereby there is commercial value and the potential for social impact to the community.

During the year under review, BSN received 38 proposals, of which six were shortlisted, from Universiti Teknologi PETRONAS, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya and two proposals from Universiti Teknologi MARA.

LAPORAN AKTIVITI Activity Report

Program ini menawarkan hadiah RM25,000 untuk pemenang pertama, RM15,000 untuk pemenang kedua, RM10,000 untuk pemenang ketiga dan RM5,000 untuk pemenang kategori Merit. Di samping itu, pemenang-pemenang utama juga membawa pulang hadiah iPad, Samsung Galaxy Tab2, Netbook Acer Aspire dan Kamera Digital Canon untuk setiap seorang beserta baucar buku dan trofi. Pemenang hadiah utama juga menerima modal permulaan bernilai RM10,000 sebagai permulaan untuk merealisasikan rancangan perniagaan mereka.

BSN Putrajaya Night Marathon

Lebih daripada 10,000 pelari mencabar diri menyertai "BSN Putrajaya Night Marathon 2012" (PNM BSN) yang berlangsung pada 20 Oktober 2012 berlatarkan landskap indah Putrajaya. Larian ini juga merupakan satu lagi inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat BSN dengan visi mengalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat. PNM BSN 2012 yang bertemakan "Pushing Boundaries, Breaking Limits" merupakan satu-satunya maraton malam yang diiktiraf serta disokong Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Belia dan Sukan, Perbadanan Putrajaya, Persatuan Olahraga Amatir Wilayah Persekutuan (FTAAA) dan Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (MAAU).

The programme awarded RM25,000 to the first prize winner, RM15,000 to the runner-up, RM10,000 for third and RM5,000 for the Merit category. Additionally, the winners took home iPads, Samsung Galaxy Tab2, Netbook Acer Aspire, Canon digital cameras, book vouchers and trophies. The main winner was also given RM10,000 as seed capital to start a business based on their winning proposals.

BSN Putrajaya Night Marathon

The BSN Putrajaya Night Marathon 2012 (PNM BSN 2012) was held on 20 October 2012 with the picturesque Putrajaya landscape as the backdrop, attracting over 10,000 runners. It's part of the Bank's CSR initiatives to promote a healthy lifestyle amongst the people. PNM BSN 2012 with the theme "Pushing Boundaries, Breaking Limits" is one unique event that was supported by the Federal Territory Ministry, Ministry of Youth and Sports, Putrajaya Corporation, FT Amateur Athletics Association (FTAAA) and the Malaysia Amateur Athletics Union (MAAU).



Ketua Eksekutif, Y. Bhg Datuk Adinan Maning di persada permulaan.
Chief Executive, Y. Bhg Datuk Adinan Maning at the start platform.



Hasil kutipan daripada Putrajaya Night Marathon Malam Putrajaya disumbangkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang memerlukan.
Proceeds from the Putrajaya Night Marathon for a good cause.

LAPORAN AKTIVITI

Activity Report



Tanggungjawab sosial BSN sebagai sebuah Bank Komuniti.
BSN's social responsibility as a Community Bank.



BSN merupakan Penaja Utama bagi tahun kedua maraton ini yang juga memberi peluang kepada pemegang Kad Kredit BSN dan rakan kongsi korporat untuk menyumbang ke arah tanggungjawab sosial dalam mengumpul dana untuk masyarakat yang memerlukan. Sempena BSN PNM 2012, BSN telah melancarkan kempen "Spend and Donate" bagi pemegang kad kredit BSN. Dengan kempen ini, pemegang kad kredit BSN berpeluang menyumbang kepada *Women's Aid Organisation* dan *Persatuan Glaukoma Malaysia*, sebagai penerima rasmi BSN PNM 2012. Mata ganjaran dari perbelanjaan mereka ditukar kepada nilai wang dan didermakan kepada penerima-penerima ini. Selain daripada kempen ini, semua yuran pendaftaran penyertaan daripada pertubuhan-pertubuhan korporat juga disumbangkan kepada penerima-penerima ini. Kempen ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada lebih 10,000 pemegang kad kredit BSN.

RENJER KOMUNITI BSN

Kakitangan BSN dari semasa ke semasa melibatkan diri dalam kerja-kerja amal kebajikan. Pada 15 September 2012 lebih 130 BSN Community Rangers dan peserta FSTEP (Financial Sector Talent Enrichment Programme), telah meluangkan masa mereka untuk melawat Rumah Orang Tua Al-Ikhlas di Puchong, Selangor. Para sukarelawan ini telah bergotong-royong membersihkan kediaman tersebut, mengemas bilik penghuni di samping menyumbang peralatan-peralatan bagi kegunaan rumah tersebut.

2012 marked the second year BSN returned as the main sponsor for the event. It is essentially a platform for the Bank to raise funds for those in need. In conjunction with the run, BSN launched the "Spend and Donate" campaign for its credit card holders. Under this campaign, card holders were given the option to contribute towards the *Women's Aid Organisation* and the *Malaysian Glaucoma Association*, the official beneficiaries of BSN PNM 2012. For credit cardholders, their reward points on the amount spent were converted into cash value and donated to these two organisations. For corporate partners, cash received via their registration were also donated to them as well. The campaign received an overwhelming response, with more than 10,000 credit card holders donating towards the cause.

BSN COMMUNITY RANGERS

BSN also encourages its employees to involve themselves in various charity outreach activities. On 15 September 2012 more than 130 BSN Community Rangers and participants of the *Financial Sector Talent Enrichment Programme* made time to visit the *Al-Ikhlas Old Folks' Home* in Puchong. At the Home, they took part in a *gotong-royong* to clean and spruce up the Home and also contributed household appliances for the use of the residents there.

SOROTAN MEDIA MEDIA HIGHLIGHTS



BSN perkenal Perbankan Tanpa Cawangan
Pelanggan di luar bandar boleh buat urusan di ejen berdaftar

MAJLIS PERAKAMAN

Bank Simpanan Nasional (BSN) memperkenalkan perkhidmatan perbankan tanpa cawangan kepada pelanggannya di seluruh negara. Pelanggan di luar bandar boleh membuat urusan perbankan mereka di ejen berdaftar BSN.

Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan membuat transaksi perbankan mereka melalui ejen berdaftar BSN di seluruh negara. Pelanggan boleh membuat transaksi perbankan mereka seperti deposit, simpanan, dan pinjaman melalui ejen berdaftar BSN.

Prizes for young BSN savers

MINISTRY BERNAMA: A ceremony was held by the bank for its Saver Cukai Simpanan Pelajar-Pelajar winners.

Bank Simpanan Nasional (BSN) mengadakan majlis penghargaan kepada pemenang pertandingan Saver Cukai Simpanan Pelajar-Pelajar. Majlis ini diadakan di pejabat BSN di Kuala Lumpur.

Pemenang pertandingan ini adalah pelajar-pelajar yang berjaya menabung dan menyimpan wang mereka di BSN. Mereka akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan.

BSN tingkat pinjaman rumah

M3B - The Story(Metro) - Friday, 16.11.2012

Bank Simpanan Nasional (BSN) meningkatkan jumlah pinjaman rumah kepada pelanggan. BSN menawarkan pelbagai jenis pinjaman rumah dengan kadar faedah yang kompetitif.

BSN juga menawarkan perkhidmatan pinjaman rumah yang fleksibel dan mudah. Pelanggan boleh membuat permohonan pinjaman rumah mereka melalui ejen berdaftar BSN.

BSN serah RM104,500 kepada dua NGO

MUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional (BSN) menyerahkan sumbangan kepada dua organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk membantu program sosial mereka.

BSN menyerahkan sumbangan sebanyak RM104,500 kepada dua NGO, iaitu Persatuan Orang-orang Cacat (POC) dan Persatuan Orang-orang Cacat (POC). Sumbangan ini akan digunakan untuk membantu program sosial mereka.

Fueled up for banking

Petronas teams up with BSN to provide more convenience

BIZINESS

Bank Simpanan Nasional (BSN) berkolaborasi dengan Petronas untuk menyediakan perkhidmatan perbankan yang lebih mudah dan pantas. Pelanggan boleh membuat transaksi perbankan mereka melalui mesin ATM Petronas.

Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan membuat transaksi perbankan mereka seperti deposit, simpanan, dan pinjaman melalui mesin ATM Petronas. Ini akan memudahkan pelanggan membuat transaksi perbankan mereka di mana-mana.

NPL SME Bank 15 peratus

NIAGA

Bank Simpanan Nasional (BSN) melaporkan bahawa kadar NPL SME Bank telah meningkat kepada 15 peratus. BSN sedang berusaha untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank.

BSN telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank, termasuk meningkatkan proses penyaliran pinjaman dan meningkatkan pengawasan terhadap pelanggan.

NPL SME Bank 15 peratus

NIAGA

Bank Simpanan Nasional (BSN) melaporkan bahawa kadar NPL SME Bank telah meningkat kepada 15 peratus. BSN sedang berusaha untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank.

BSN telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank, termasuk meningkatkan proses penyaliran pinjaman dan meningkatkan pengawasan terhadap pelanggan.

NPL SME Bank 15 peratus

NIAGA

Bank Simpanan Nasional (BSN) melaporkan bahawa kadar NPL SME Bank telah meningkat kepada 15 peratus. BSN sedang berusaha untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank.

BSN telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar NPL SME Bank, termasuk meningkatkan proses penyaliran pinjaman dan meningkatkan pengawasan terhadap pelanggan.

PENYATA KEWANGAN

50

Sijil Ketua Audit Negara

51

Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

52

Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional

53

Laporan Lembaga Pengarah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

56

Laporan Jawatankuasa Syariah

57

Penyata Kedudukan Kewangan

58

Penyata Pendapatan Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain

59

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan

60

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

61

Penyata Aliran Tunai

63

Nota Kepada Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan yang disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMIR BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 APRIL 2013



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH** dan **DATUK ADINAN BIN MANING** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH
Pengerusi

Tarikh: 23 APR 2013

Tempat: Kuala Lumpur



DATUK ADINAN BIN MANING
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 23 APR 2013

Tempat: Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL**

Kami, **TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH (No. K/P: 550216-02-5191)** dan **DATUK ADINAN BIN MANING (No. K/P: 570710-10-5777)** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh
penama di atas:

TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH
(No. K/P: 550216-02-5191)

dan

DATUK ADINAN BIN MANING
(No. K/P: 570710-10-5777)

di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan
pada 23 APR 2013

)
)
)
)
)
)
)
)
)
)
)



)
)
)
)
)
)
)
)
)
)
)



Di hadapan saya



No. 86, Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

BANK SIMPANAN NASIONAL

Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan-pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama bagi syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 9.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	546,911	511,414
Belanja cukai dan zakat	<u>(119,648)</u>	<u>(109,389)</u>
Keuntungan bersih tahun semasa	<u>427,263</u>	<u>402,025</u>

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan atau elaun sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang telah berkhidmat sejak tarikh terakhir laporan adalah:

Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah (dilantik pada 1 Mac 2013)
Datuk Nozirah Binti Bahari (berkhidmat sehingga 2 April 2013)
Dato' Ng Kam Cheung
Dato' V. Danapalan
Tuan Hj. Ghazali Bin Awang
Datuk Adinan Bin Maning
Alex Foong Soo Hah
Md. Tajuddin Bin Md. Isa
Datuk Azizan Bin Abdul Rahman
Puan Siti Zauyah Binti Mohd Desa (dilantik pada 2 April 2013)

Kesemua ahli Lembaga ialah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Datuk Adinan Bin Maning. Kesemua ahli Lembaga ialah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

FAEDAH PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) di bawah perjanjian yang dibuat oleh Bank atau perbadanan berkaitan dengan sebarang Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Tiada sebarang persetujuan yang telah dibuat di sepanjang atau pada tahun kewangan yang mempunyai matlamat membolehkan Para Pengarah Bank mendapat manfaat daripada pembelian saham dalam Bank atau sebarang perbadanan-perbadanan yang lain.

BANK SIMPANAN NASIONAL**Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974****LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (Sambungan)****MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN**

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya ke atas perkara-perkara berikut:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapusira dan elaun secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- ii) apa-apa aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, pada tarikh laporan ini, tidak wujud sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- i) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapusira atau jumlah peruntukan hutang ragu atau elaun kejejasan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara; atau
- ii) yang menyebabkan nilai aset semasa Kumpulan dan Bank dalam penyata kewangan mengelirukan; atau
- iii) yang sebaliknya tidak dilaporkan dalam laporan ini atau akaun, yang menyebabkan sebarang jumlah dinyatakan dalam laporan kewangan Kumpulan dan Bank ini mengelirukan; atau
- iv) yang timbul sehingga cara menilai aset dan liabiliti sedia ada Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:


- i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain sejak berakhirnya tahun kewangan; dan
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank sejak berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak.

BANK SIMPANAN NASIONAL**Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974****LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (Sambungan)**

Pada pendapat Para Pengarah, perolchan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi Para Pengarah.



.....
Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah
Pengerusi



.....
Datuk Adinan Bin Maning
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 23 APR 2013

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dikehendaki mengemukakan laporan berikut:

Kami telah membuat semakan ke atas prinsip dan kontrak-kontrak berkaitan transaksi-transaksi dan pemakaian produk-produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional dalam tempoh berakhir 31/12/2012. Kami juga telah membuat penilaian bagi merumus pendapat sama ada Bank Simpanan Nasional telah mematuhi prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga keputusan Syariah yang dibuat oleh pihak kami.

Pengurusan Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan urusanniaga berkaitan produk-produk patuh Syariah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Adalah tanggungjawab kami untuk merumus pendapat secara bebas, berdasarkan semakan kami ke atas operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional, dan untuk mengemukakan laporan ini.


Pendapat kami dirumus berdasarkan semakan kami dan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunapakai oleh Bank Simpanan Nasional tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, transaksi dan urusanniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31/12/2012 yang telah kami semak, mematuhi prinsip-prinsip Syariah;
2. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip-prinsip Syariah;
3. Pengiraan zakat mematuhi prinsip-prinsip Syariah

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31/12/2012 telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Pengerusi Jawatankuasa Syariah:



(Dr. Mohd Fyad Md Sawah)


Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah:



(En. Zainudin Ismail)



(Dr. Ahmad Zaki Salleh)



(Dr. Fauziah Mohd Noor)



(En. Md. Tajuddin Md. Isa)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2012

NOTA	KUMPULAN			BANK			
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000	
ASET							
Wang tunai dan dana jangka pendek	3	1,377,777	1,707,218	1,355,354	1,288,927	1,656,199	1,325,116
Deposit dan peletakan dengan bank dan institusi kewangan lain	4	50,000	-	-	50,000	-	-
Sekuriti pelaburan	5	9,374,844	8,406,341	7,910,653	9,283,551	8,321,995	7,822,978
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	6	13,881,562	11,552,731	10,391,114	13,881,562	11,552,731	10,391,114
Aset-aset lain	8	306,286	291,821	222,164	275,931	224,117	187,260
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	9	-	-	-	32,000	32,000	32,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	64,002	31,806	8,425	29,632	609	609
Hartanah, loji dan kelengkapan	11	473,322	410,554	388,705	458,843	398,105	376,171
Hartanah pelaburan	12	21,654	22,379	23,102	21,654	22,379	23,102
Cukai boleh dituntut	18	13,044	-	-	15,832	-	-
Aset cukai tertunda	19	20,852	19,103	33,432	11,322	12,357	28,881
Aset dana takaful am dan takaful keluarga	35	866,017	602,678	412,603	-	-	-
Jumlah aset		26,449,360	23,044,631	20,745,552	25,349,254	22,220,492	20,187,231
LIABILITI DAN EKUITI							
Deposit daripada pelanggan	13	21,226,557	18,566,723	17,200,102	21,230,313	18,575,107	17,211,288
Deposit dan peletakan oleh bank dan institusi kewangan lain	14	965,409	1,009,608	696,773	965,409	1,009,608	696,773
Pendapatan tertunda	15	384,164	297,192	268,351	384,164	297,192	268,351
Pinjaman daripada institusi	16	23,671	16,774	16,737	23,671	16,774	16,737
Liabiliti-liabiliti lain	17	728,568	693,976	691,594	630,947	602,683	631,705
Peruntukan untuk cukai dan zakat	18	5,010	10,689	35,601	5,010	8,123	30,757
Liabiliti dana takaful am dan keluarga	35	97,329	107,579	74,414	-	-	-
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga	35	768,688	495,099	338,189	-	-	-
Jumlah liabiliti		24,199,396	21,197,640	19,321,761	23,239,514	20,509,487	18,855,611
Jumlah rizab		2,179,247	1,765,794	1,352,229	2,109,740	1,711,005	1,331,620
Kepentingan bukan kawalan		70,717	81,197	71,562	-	-	-
Jumlah liabiliti dan ekuiti		26,449,360	23,044,631	20,745,552	25,349,254	22,220,492	20,187,231
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA	31	1,196,059	408,263	318,767	1,196,059	408,263	318,767

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

**PENYATA PENDAPATAN UNTUNG ATAU RUGI DAN
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN***bagi tahun berakhir 31 Disember 2012*

NOTA	KUMPULAN		BANK		
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000	
Hasil	20	1,974,016	1,739,295	1,635,508	1,457,021
Pendapatan faedah	21	699,870	742,424	695,057	738,352
Belanja faedah	22	(245,833)	(243,323)	(246,576)	(243,323)
Pendapatan faedah bersih		454,037	499,101	448,481	495,029
Pendapatan fi dan komisen	23	418,930	293,395	141,655	74,753
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	34	496,963	436,523	496,963	436,523
Pendapatan operasi lain	24	99,183	85,264	42,763	25,704
Jumlah pendapatan bersih		1,469,113	1,314,283	1,129,862	1,032,009
Belanja personel	25	(444,189)	(382,047)	(398,732)	(356,833)
Overhed lain	26	(509,413)	(453,952)	(247,943)	(225,349)
Untung operasi sebelum elaun kejejasan (Elaun)/Masukkira semula kejejasan ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	27	515,511	478,284	483,187	449,827
Masukkira semula kejejasan aset lain	28	(796)	7,204	(796)	7,204
Masukkira semula kejejasan aset lain	28	29,023	2,020	29,023	2,020
Untung operasi selepas elaun kejejasan		543,738	487,508	511,414	459,051
Bahagian untung selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan bagi ekuiti dikira milik syarikat bersekutu		3,173	23,381	-	-
Untung sebelum cukai dan zakat		546,911	510,889	511,414	459,051
Zakat		(5,038)	(5,128)	(4,600)	(4,750)
Belanja cukai	29	(114,610)	(111,900)	(104,789)	(104,255)
Untung bersih tahun semasa		427,263	393,861	402,025	350,046
Pendapatan komprehensif yang lain selepas cukai:- Nilai saksama sekuriti tersedia untuk jualan		(3,290)	632	(3,290)	632
Jumlah pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		(3,290)	632	(3,290)	632
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa		423,973	394,493	398,735	350,678
Keuntungan boleh diagihkan kepada:					
Pemegang Ekuiti Bank		416,743	384,226	402,025	350,046
Kepentingan bukan kawalan		10,520	9,635	-	-
Untung bersih tahun semasa		427,263	393,861	402,025	350,046
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagihkan kepada:					
Pemegang Ekuiti Bank		413,453	384,858	398,735	350,678
Kepentingan bukan kawalan		10,520	9,635	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa		423,973	394,493	398,735	350,678

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	Milik ekuiti Bank							
	Tak boleh agih				Boleh agih			
	Rizab Am	Rizab Modal*	Rizab Nilai Saksama	Rizab Perimbangan Keuntungan	Perolehan Tertahan	Jumlah Rizab	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
KUMPULAN								
Pada 1 Januari 2011								
- seperti dinyatakan sebelumnya	100,000	437,365	(1,396)	-	893,119	1,429,088	71,562	1,500,650
- kesan pemakaian MFRS	-	-	-	-	(76,859)	(76,859)	-	(76,859)
Pada 1 Januari 2011 seperti dinyatakan semula	100,000	437,365	(1,396)	-	816,260	1,352,229	71,562	1,423,791
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa								
Untung tahun semasa	-	-	-	-	395,337	395,337	9,635	404,972
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	632	-	-	632	-	632
Pematuhan rizab penyamaan utang bersih cukai								
Pindahan daripada rizab penyamaan utang pendeposit	-	-	-	56,569	-	56,569	-	56,569
Kesan cukai tertunda aset pada pemakaian MFRS	-	-	-	-	(14,142)	(14,142)	-	(14,142)
Peruntukan tahun semasa	-	-	-	4,549	(4,549)	-	-	-
Penggunaan rizab	-	-	-	(18,269)	4,549	(13,720)	-	(13,720)
Pindahan kepada rizab modal	-	180,579	-	-	(180,579)	-	-	-
Pada 31 Disember 2011	100,000	617,944	(764)	42,849	1,016,876	1,776,905	81,197	1,858,102
Pada 1 Januari 2012								
- seperti dinyatakan sebelumnya	100,000	617,944	(764)	42,849	1,016,876	1,776,905	81,197	1,858,102
- kesan pemakaian MFRS	-	-	-	-	(11,111)	(11,111)	-	(11,111)
Pada 1 Januari 2012 seperti dinyatakan semula	100,000	617,944	(764)	42,849	1,005,765	1,765,794	81,197	1,846,991
Pelarasan kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	(21,000)	(21,000)
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa								
Untung tahun semasa	-	-	-	-	416,743	416,743	10,520	427,263
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	(3,290)	-	-	(3,290)	-	(3,290)
Pematuhan rizab penyamaan utang bersih cukai								
Pindahan daripada rizab penyamaan utang pendeposit	-	-	-	14,112	(14,112)	-	-	-
Penggunaan rizab	-	-	-	(14,112)	14,112	-	-	-
Pindahan kepada rizab modal	-	201,013	-	-	(201,013)	-	-	-
Pada 31 Disember 2012	100,000	818,957	(4,054)	42,849	1,221,495	2,179,247	70,717	2,249,964

* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	----- Milik ekuiti Bank -----					
	----- Tak boleh agih -----				Boleh agih	
	Rizab Am RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Perimbangan Keuntungan RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000
BANK						
Pada 1 Januari 2011						
- seperti dinyatakan sebelumnya	100,000	437,365	(1,396)	-	872,510	1,408,479
- kesan pemakaian MFRS	-	-	-	-	(76,859)	(76,859)
Pada 1 Januari 2011 seperti dinyatakan semula	100,000	437,365	(1,396)	-	795,651	1,331,620
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa						
Untung tahun semasa	-	-	-	-	361,157	361,157
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	632	-	-	632
Pematuhan rizab penyamaan untung bersih cukai						
Pindahan daripada rizab penyamaan untung pendeposit	-	-	-	56,569	-	56,569
Kesan cukai tertunda aset pada pemakaian MFRS	-	-	-	-	(14,142)	(14,142)
Peruntukan tahun semasa	-	-	-	4,549	(4,549)	-
Penggunaan rizab	-	-	-	(18,269)	4,549	(13,720)
Pindahan kepada rizab modal	-	180,579	-	-	(180,579)	-
Pada 31 Disember 2011	100,000	617,944	(764)	42,849	962,087	1,722,116
Pada 1 Januari 2012						
- seperti dinyatakan sebelumnya	100,000	617,944	(764)	42,849	962,087	1,722,116
- kesan pemakaian MFRS	-	-	-	-	(11,111)	(11,111)
Pada 1 Januari 2012 seperti dinyatakan semula	100,000	617,944	(764)	42,849	950,976	1,711,005
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa						
Untung tahun semasa	-	-	-	-	402,025	402,025
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	(3,290)	-	-	(3,290)
Pematuhan rizab penyamaan untung bersih cukai						
Pindahan daripada rizab penyamaan untung pendeposit	-	-	-	14,112	(14,112)	-
Penggunaan rizab	-	-	-	(14,112)	14,112	-
Pindahan kepada rizab modal	-	201,013	-	-	(201,013)	-
Pada 31 Disember 2012	100,000	818,957	(4,054)	42,849	1,151,988	2,109,740

* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

PENYATA ALIRAN TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat dan kepentingan bukan kawalan	546,911	510,889	511,414	459,051
Pelarasan untuk:				
(Pertambahan diskaun)/pelunasan premium bersih	21,938	(28,589)	21,938	(28,589)
Susutnilai	58,193	51,685	55,514	48,057
Hartanah, loji dan kelengkapan dihapuskira	6	60	6	59
Pelarasan hartanah, loji dan kelengkapan	419	310	419	310
Laba ke atas pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	(71)	(655)	(71)	(655)
Kejelasan kolektif untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dimasukkira semula	(65,504)	(58,369)	(65,504)	(58,369)
Hapuskira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dimasukkira semula	(14,569)	(11,739)	(14,569)	(11,739)
Kejelasan pelaburan dalam syarikat bersekutu dimasukkira semula	(29,023)	-	(29,023)	-
Elaun kejelasan bagi hutang ragu bagi belum terima yang dimasukkan dalam aset-aset lain dimasukkira semula	(3)	(97)	(3)	(97)
Hutang lapuk dihapuskira	80,889	63,156	80,889	63,156
Bahagian untung tertahan dalam syarikat bersekutu	(3,173)	(23,381)	-	-
Laba bersih daripada pelupusan sekuriti pelaburan	(14,563)	(14,835)	(14,103)	(12,759)
Pendapatan dividen	(7,434)	(4,936)	(7,434)	(4,936)
Rizab penyamaan untung	11,141	1,876	11,141	1,876
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	585,157	485,375	550,614	455,365
Perubahan dalam deposit dan peletakan dengan institusi kewangan	(50,000)	-	(50,000)	-
Perubahan dalam pinjaman dan pendahuluan	(2,329,647)	(1,154,665)	(2,329,647)	(1,154,665)
Perubahan dalam aset-aset lain	(34,687)	(69,560)	(51,036)	(36,760)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	2,602,656	1,366,621	2,598,028	1,363,819
Perubahan dalam deposit dan peletakan institusi kewangan	(44,199)	312,835	(44,199)	312,835
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	80,607	44,041	74,301	11,950
Aliran tunai daripada operasi	809,887	984,647	748,061	952,544

PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Baki dibawa dari hadapan	809,887	984,647	748,061	952,544
Cukai dibayar	(144,334)	(138,216)	(131,973)	(125,662)
Cukai kredit diterima	11,272		11,272	251
Zakat dibayar	(5,940)	(4,434)	(5,502)	(4,056)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	670,885	841,997	621,858	823,077
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	334	1,827	314	1,827
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	(120,924)	(74,353)	(116,195)	(70,809)
Pembelian bersih sekuriti pelaburan	(2,172,007)	(2,870,106)	(2,172,007)	(2,873,147)
Dividen diterima	6,659	4,936	6,659	4,936
Hasil daripada pelupusan sekuriti pelaburan	1,191,743	2,418,685	1,198,230	2,416,321
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,094,195)	(519,011)	(1,082,999)	(520,872)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman daripada institusi kewangan	52,062	4,229	52,062	4,229
Pembayaran pinjaman kepada institusi kewangan	(45,165)	(4,192)	(45,165)	(4,192)
Penggunaan geran Kerajaan	(18,028)	(1,159)	(18,028)	(1,159)
Geran diterima daripada Kerajaan	105,000	30,000	105,000	30,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	93,869	28,878	93,869	28,878
(PENURUNAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(329,441)	351,864	(367,272)	331,083
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI	1,707,218	1,355,354	1,656,199	1,325,116
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	1,377,777	1,707,218	1,288,927	1,656,199
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI MEWAKILI:				
Wang tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	1,377,777	1,707,218	1,288,927	1,656,199

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan ditubuhkan di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan adalah seperti berikut:

Wisma BSN,
117, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan disatukan setakat dan untuk tahun berakhir 31 Disember 2012 terdiri daripada Bank dan syarikat subsidiarinya (bersama dirujuk sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tidak termasuk entiti-entiti lain.

Aktiviti utama Bank ialah untuk menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama bagi syarikat subsidiari ialah seperti yang dinyatakan dalam Nota 9.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 23 April 2013.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

a) Penyata pematuhan

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling-pekelliling Perbendaharaan, prinsip-prinsip perakaunan yang secara umumnya diterima di Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 dan keperluan Syariah, di mana berkaitan. Ini adalah Penyata Kewangan Kumpulan dan Bank pertama yang disediakan menurut MFRS dan MFRS 1, *penggunaan kali pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia*.

Kumpulan dan Bank telah terlebih dahulu menggunakan pindaan kepada MFRS 101, Persembahan Penyata Kewangan yang pada asalnya berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012. Penggunaan awal pindaan kepada MFRS 101 tidak mempunyai impak terhadap penyata Kewangan selain daripada format persembahan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain.

Berikut adalah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi masih belum digunapakai oleh Kumpulan dan Bank:

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013

- MFRS 10, Penyatuan Penyata Kewangan
- MFRS 11, Aturan Bersama
- MFRS 12, Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain
- MFRS 13, Pengukuran Nilai Saksama
- MFRS 119, Manfaat Pekerja (2011)
- MFRS 127, Pengasingan Penyata Kewangan (2011)
- MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (2011)
- Interpretasi IC 20, Pelurusan kos dalam Fasa Pengeluaran Permukaan Lombong
- Pindaan MFRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pelarasan Aset dan Liabiliti Kewangan
- Pindaan MFRS 1, Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia - Pinjaman Kerajaan
- Pindaan MFRS 1, Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009 - 2011)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

a) Penyata pematuhan (Sambungan)

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013 (Sambungan)

- Pindaan MFRS 101, Persembahan Penyata Kewangan (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009 – 2011)
- Pindaan MFRS 116, Hartanah, Loji dan Peralatan (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009 – 2011)
- Pindaan MFRS 132, Instrumen Kewangan: Persembahan (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009 – 2011)
- Pindaan MFRS 134, Laporan Kewangan interim (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009 – 2011)
- Pindaan MFRS 10, Penyatuan penyata Kewangan: Garispanduan Peralihan
- Pindaan MFRS 11, Aturan Bersama: Garispanduan Peralihan
- Pindaan MFRS 12, Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain: Garis panduan Peralihan

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

- Pindaan MFRS 132, Instrumen Kewangan: Persembahan – Pelarasan Aset dan Liabiliti kewangan

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9, Instrumen Kewangan (2009)
- MFRS 9, Instrumen Kewangan (2010)
- Pindaan MFRS 7, Instrumen kewangan: Pendedahan – Tarikh Mandat MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan

Kumpulan dan Bank merancang untuk menggunakan piawaian, pindaan dan interpretasi yang disebut di atas:

- Dari tempoh tahunan bermula 1 Januari 2013 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi yang akan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, kecuali interpretasi IC 20 di mana ia tidak berkaitan dengan Kumpulan dan Bank.
- Dari tempoh tahunan bermula 1 Januari 2014 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi yang akan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.
- Dari tempoh tahunan bermula 1 Januari 2015 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi yang akan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015.

Impak 'Material' bagi penggunaan awalan piawaian, pindaan dan interpretasi dibincangkan di bawah:

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan garispanduan di dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran tentang klasifikasi dan pengukuran aset Kewangan. Berdasarkan penggunaan MFRS 9, aset Kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos dilunaskan. Adalah dijangkakan bahawa pelaburan dalam saham tidak disebut harga bagi Kumpulan akan diukur pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain. Pemakaian MFRS 9 akan menyebabkan perubahan dalam dasar Perakaunan. Kumpulan sedang menilai impak Kewangan daripada penggunaan MFRS 9.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

a) Penyata pematuhan (Sambungan)

MFRS 13, Pengukuran Nilai Saksama

MFRS 13, Pengukuran Nilai Saksama berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 bertujuan untuk mempertingkatkan konsistensi dan mengurangkan kerumitan dengan menyediakan maksud tepat nilai saksama dan sumber pengukuran dan keperluan pendedahan nilai saksama untuk kegunaan MFRS. Keperluan ini tidak dipanjangkan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi sebagai garis panduan tentang bagaimana ia harus digunakan atau diizinkan oleh piawaian lain. Peningkatan keperluan pendedahan adalah sama dengan MFRS 7, 'Instrumen Kewangan; Pendedahan', tetapi digunakan untuk semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, bukan hanya kewangan semata-mata.

MFRS 119, Manfaat Pekerja (2011)

Pindaan MFRS 119, Manfaat Pekerja mengubah perakaunan untuk pelan-pelan manfaat tertakrif dan manfaat penamatan. Perubahan yang paling ketara adalah berkaitan dengan perakaunan bagi perubahan dalam obligasi manfaat tertakrif dan pelan aset. Pindaan memerlukan pengiktirafan terhadap perubahan dalam obligasi manfaat tertakrif dan nilai saksama pelan aset apabila berlaku, dan oleh itu menghapuskan 'kaedah Koridor' yang dibenarkan di bawah versi terdahulu MFRS 119 dan mempercepatkan pengiktirafan kos-kos perkhidmatan yang lepas. Pindaan mengkehendaki semua laba dan kerugian aktuari diiktiraf dengan sertamerta melalui pendapatan komprehensif lain supaya aset pencen bersih atau liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan disatukan menggambarkan nilai penuh defisit atau lebihan pelan. Pindaan kepada MFRS 119 akan berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013 dan memerlukan pemakaian kebelakang. Kumpulan sedang menilai impak kewangan daripada menerima pakai pindaan kepada MFRS 119.

b) Asas ukuran

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan asas kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam nota 2.

c) Mata wang fungsian dan dipersembahkan

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu fungsi matawang Bank dan telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank selaras dengan MFRS yang memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan nilai yang dilaporkan untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar kemungkinan berbeza daripada anggaran yang dilakukan.

Anggaran dan andaian yang digunakan telah dikaji semula secara berterusan. Semakan terhadap anggaran-anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Maklumat berkaitan bahagian-bahagian penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang signifikan dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 31.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan telah diguna secara konsisten oleh Kumpulan dan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Asas penyatuan

i) Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari ialah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti agar mendapat manfaat daripada aktivitiinya. Dalam menilai kawalan, hak mengundi berpotensi yang boleh dilaksanakan ketika ini telah diambil kira.

Penyata kewangan syarikat subsidiari dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan tersebut bermula, sehingga ke tarikh kawalan tersebut terhenti.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari diukur dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

Kepentingan bukan kawalan pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang merupakan bahagian aset bersih syarikat subsidiari yang dianggap sebagai sebahagian daripada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki oleh Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui syarikat subsidiari, dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti disebabkan oleh pemegang saham ekuiti Bank.

Kepentingan bukan kawalan dalam keputusan Kumpulan dibentangkan pada muka penyata untung atau rugi disatukan sebagai pembahagian jumlah keuntungan atau kerugian untuk tahun itu antara kepentingan bukan kawalan dengan pemegang saham ekuiti Bank.

Bahagian kepentingan bukan kawalan dari jumlah keuntungan akan dibahagikan kepada kepentingan bukan kawalan, walaupun keputusan dalam kepentingan bukan kawalan adalah baki defisit.

ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar tetapi bukan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi.

Syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan). Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain milik syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan yang digunakan oleh Kumpulan, dari tarikh pengaruh ketara tersebut bermula sehingga ke tarikh pengaruh ketara tersebut berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, amaun dibawa bagi kepentingan tersebut termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan ke kosong dan pengiktirafan kerugian seterusnya dihentikan kecuali setakat yang Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak penerima pelaburan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

a) Asas penyatuan (Sambungan)

iii) Urusniaga disingkirkan apabila disatukan

Baki dan urusniaga dalam Kumpulan, dan sebarang pendapatan dan belanja belum direalisasikan yang timbul daripada urusniaga dalam Kumpulan, disingkirkan semasa menyediakan penyata kewangan disatukan.

Keuntungan belum direalisasi yang timbul akibat urusniaga dengan pihak syarikat subsidiari disingkirkan daripada pelaburan tersebut setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat subsidiari tersebut. Kerugian belum direalisasi disingkir dengan cara yang sama dengan laba belum direalisasi tetapi hanya setakat mana tidak terdapat bukti kejejasan.

b) Urusniaga matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsian mengikut entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Aset dan liabiliti monetari disebut dalam matawang asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan ditukarkan semula kepada matawang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan monetari dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada matawang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan matawang asing disebabkan oleh pertukaran semula ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

c) Pendapatan dan perbelanjaan faedah dan pembiayaan

Semua instrumen kewangan diukur pada kos dilunaskan dan faedah/untung ditanggung (dibawa) aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan dan dipegang untuk jualan, pendapatan dan perbelanjaan faedah dan pembiayaan diiktiraf di bawah pendapatan faedah, perbelanjaan faedah dan pendapatan bersih untuk perniagaan Perbankan Islam dalam untung dan rugi menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif ialah kaedah pengiraan kos dilunaskan bagi aset dan liabiliti lewangan dan memperuntukkan pendapatan dan perbelanjaan faedah dan pembiayaan melalui jangka hayat yang wajar. Kadar faedah efektif ialah kadar yang tepat mendiskaunkan anggaran pembayaran dan penerimaan tunai masa depan melalui jangka hayat aset dan liabiliti kewangan (atau di mana berkaitan, suatu tempoh yang lebih pendek) kepada nilai bawaan aset/liabiliti kewangan. Pengiraan kadar faedah dan untung efektif mengambil kira semua terma-terma kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa depan. Fi yang penting, premium dan diskaun kos urusniaga yang dapat dikaitkan dengan kadar faedah efektif juga diambil kira.

Untuk kejejasan Aset Kewangan di mana nilai aset kewangan telah jatuh disebabkan kerugian kejejasan, faedah/pendapatan pembiayaan akan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan dengan tujuan mengukur kerugian kejejasan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

d) Fi dan komisen

Pendapatan, komisen dan perbelanjaan fi dan komisen yang dapat dikaitkan dengan kadar faedah/untung efektif atas aset dan liabiliti kewangan telah dimasukkiran dalam pengukuran kadar faedah/untung efektif.

Pendapatan fi dan komisen lain merangkumi fi perkhidmatan akaun, fi pengurusan pelaburan, komisen jualan, fi pinjaman bersindiket dan fi peletakan pasaran wang diiktiraf setelah perkhidmatan berkaitan diberikan. Apabila komitmen pinjaman yang tidak mengakibatkan kepada penarikan balik pinjaman, fi komitmen pinjaman berkenaan diiktiraf secara asas sama rata sepanjang tempoh komitmen tersebut.

Lain-lain fi terutamanya berkaitan dengan urusanniaga dan fi perkhidmatan yang diambilkira sebagai belanja apabila perkhidmatan berkaitan diterima.

Fi wakalah, belanja komisen dan belanja pengurusan

Mengikut prinsip wakalah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui oleh pemegang polisi dan syarikat subsidiari, satu peratusan ke atas sumbangan kasar yang dipersetujui akan dikenakan oleh dana pemegang saham atas asas 'upfront' kepada dana takaful am dan takaful keluarga sebagai fi wakalah.

Fi wakalah yang dikenakan oleh dana pemegang saham dari peserta diguna untuk membayar belanja pengurusan dan belanja komisen dalam dana pemegang saham yang berlaku dalam dana takaful am dan keluarga. Semua belanja pengurusan diiktiraf dalam dana pemegang saham, apabila berlaku.

Perbelanjaan komisen, iaitu kos langsung yang berlaku untuk memastikan sumbangan sijil takaful dipelihara, diiktiraf dalam dana pemegang saham sebagai perbelanjaan dan diagihkan sewajarnya kepada tempoh di mana besar kemungkinan ianya memberi peningkatan kepada pendapatan.

e) Pendapatan dagangan bersih

Pendapatan dagangan bersih terdiri daripada laba setelah dikurangkan kerugian yang mempunyai kaitan kepada aset dan liabiliti dagangan dan merangkumi semua perubahan nilai saksama sama ada yang telah direalisasikan/belum direalisasikan, faedah/untung dan dividen.

f) Dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf di dalam penyata untung atau rugi berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan sewa di sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada harta 'subleased' diiktiraf sebagai pendapatan lain.

h) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang diterima adalah berkaitan dengan aset yang diiktiraf dan dikira pada mulanya sebagai pendapatan tertanggung pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa ia akan diterima dan Kumpulan dan Bank akan mematuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan pemberian dan kemudian diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain secara sistematik di sepanjang tempoh usia guna aset tersebut.

Geran yang diterima oleh Kumpulan dan Bank untuk perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi sebagai pendapatan lain secara sistematik dalam tempoh yang sama di mana perbelanjaan diiktiraf.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

i) Belanja cukai

Belanja cukai terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Belanja cukai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat ia berkaitan dengan butiran yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti telah diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa ialah cukai dijangka perlu dibayar atau diterima ke atas pendapatan boleh cukai atau kerugian untuk tahun itu, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh pelaporan dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah penyata kedudukan kewangan. Kaedah ini memberikan perbezaan sementara antara amaun dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti untuk tujuan pelaporan dan amaun yang digunakan untuk tujuan pencukuaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut; pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam satu urusan yang bukan gabungan perniagaan dan yang tidak menjejaskan sama ada untung/rugi perakaunan atau untung/rugi boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara apabila dibalikkan, berasaskan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa depan diperolehi, yang dengannya, perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh melapor dan dikurangkan hingga ke takat yang manfaat cukai berkaitan tidak lagi mungkin direalisasikan.

j) Instrumen-instrumen kewangan

a) Pengiktirafan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak di bawah peruntukan kontrak dalam instrumen tersebut.

Aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diukur berasaskan nilai saksama bertokok, bagi kes-kes di mana instrumen kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi menyumbang secara langsung kepada pemilikan atau pengeluaran instrumen kewangan.

Cara biasa belian atau jualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak yang mana termanya meminta penghantaran aset dalam jangka masa yang amnya ditubuhkan oleh peraturan yang biasa digunakan di pasaran berkenaan.

Cara biasa pembelian atau jualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, seperti yang berkenaan adalah menggunakan perakaunan tarikh dagangan. Perakaunan tarikh dagangan merujuk kepada pengiktirafan penerimaan aset akan diterima dan liabiliti akan dibayar pada tarikh dagangan, dan penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan untuk untung dan rugi bagi pelupusan dan pengiktirafan penerimaan dari pembeli untuk pembayaran pada tarikh dagangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

j) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

b) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian darinya dinyahiktiraf pada ketika hak kontrak untuk aliran tunai terhadap aset kewangan tersebut berakhir atau ketika pemindahan aset kewangan kepada pihak lain tanpa mempertahankan kawalan atau kepentingan ganjaran dan risiko terhadap aset kewangan tersebut. Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara nilai bawaan aset dan jumlah balasan yang telah diterima (termasuk apa-apa aset baru yang baru diperolehi dikurangkan dengan sebarang liabiliti baru yang dianggarkan) dan apa-apa untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian darinya dinyahiktiraf pada ketika obligasi kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh semasa liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan dipadam atau dipindah kepada pihak lain dan jumlah balasan yang dibayar termasuk apa-apa aset bukan tunai dipindah atau liabiliti dianggarkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

c) Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbang (*offset*) dan amaun bersih ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak undang-undang untuk mengimbang amaun diiktiraf dengan niat, sama ada untuk menyelesaikan secara asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan telah ditunjukkan secara asas bersih hanya apabila jika dibenarkan di bawah FRS atau untuk laba dan kerugian yang timbul dari kumpulan urusniaga yang sama seperti dalam aktiviti perdagangan Kumpulan dan Bank.

d) Pengukuran kos dilunaskan

Kos dilunaskan bagi aset dan liabiliti kewangan ialah amaun di mana aset dan liabiliti kewangan diukur pada pengiktirafan awalan secara dikurangkan bayaran balik pokok, tambah atau kurang pelunasan terkumpul dengan menggunakan kaedah faedah/untung efektif untuk sebarang perbezaan antara amaun awalan yang telah diiktiraf dan amaun ketika matang, mengambilkira pengurangan kejejasan.

e) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama ialah jumlah di mana aset boleh ditukarkan atau liabiliti diselesaikan, dalam pengetahuan dan kesediaan pihak-pihak dalam urusniaga tulus (*knowledgeable, willing parties and arm's length transaction*) pada tarikh pengukuran.

Kumpulan dan Bank mengukur nilai saksama instrumen menggunakan harga tersiar dalam pasaran aktif untuk instrumen tersebut apabila harga tersebut tersedia. Pasaran dianggap sebagai aktif jika harga yang tersenarai sentiasa dan tersedia untuk diperolehi dan menggambarkan keadaan sebenar dan urusniaga di pasaran sentiasa berlaku secara tulus.

Jika pasaran instrumen kewangan tidak aktif, Kumpulan dan Bank menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk menggunakan urusniaga-urusniaga tulus terkini dalam pengetahuan dan kesediaan pihak-pihak dalam urusniaga tulus, pihak bersedia (sekiranya ada), rujukan kepada nilai saksama semasa bagi instrumen-instrumen lain yang secara ketara adalah sama, analisa-analisa aliran tunai didiskaunkan dan model opsyen harga.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

j) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

f) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan nilai

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat bukti-bukti objektif aset-aset kewangan tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi setelah mengalami kejejasan. Aset kewangan atau sekumpulan aset-aset kewangan terjejas apabila bukti objektif ada menunjukkan bahawa peristiwa kerugian telah berlaku selepas pengiktirafan awalan aset atau kumpulan aset tersebut dan peristiwa kerugian tersebut mempunyai kesan kepada aliran tunai masa depan aset atau kumpulan aset tersebut yang boleh dianggarkan secara munasabah.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti-sekuriti ekuiti) terjejas boleh merangkumi kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam atau penerbit; tidak membayar atau tunggakan oleh peminjam; penstrukturan semula pinjaman atau pendahuluan oleh Kumpulan dan Bank pada terma bahawa Kumpulan dan Bank sebaliknya tidak akan mempertimbangkan; petunjuk bahawa peminjam atau penerbit akan mengalami mufliis; hilang daripada pasaran aktif untuk sekuriti; atau data lain yang boleh diamati berkaitan dengan sekumpulan aset seperti perubahan yang bertentangan dengan status pembayaran peminjam atau penerbit dalam kelompok; atau kedudukan ekonomi yang berkaitan dengan tidak mampu bayar kumpulan tersebut. Sebagai tambahan untuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, pengurangan yang ketara atau berpanjangan di dalam nilai saksama di bawah kos ialah bukti yang objektif kejejasan nilai.

i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank mengambilkira bukti kejejasan nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada tahap kolektif. Kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dinilai kejejasan secara individu. Jika semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dan didapati tidak mengalami kejejasan secara khusus akan dinilai secara kolektif untuk kejejasan yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak signifikan dinilai secara kolektif untuk kejejasan dengan mengklaskan bersama pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut ciri-ciri risiko yang serupa.

Di dalam menilai kejejasan kolektif, Kumpulan dan Bank menggunakan permodelan statistik bagi trend kebarangkalian kegagalan patuh kontrak, masa pemulihan dan jumlah kerugian yang berlaku. Ianya diselaraskan bagi pertimbangan pengurusan sama ada kedudukan kredit dan ekonomi semasa merupakan kerugian sebenar melebihi atau kurang daripada yang dicadangkan oleh permodelan sejarah (historical modelling). Kadar tidak membayar, kadar kerugian dan jangkaan pemulihan masa depan ditanda aras berasaskan keputusan sebenar untuk memastikan ia kekal sesuai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

j) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

f) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan nilai (Sambungan)

i) Pinjaman, pendahuluan dan Pembiayaan (Sambungan)

Kerugian terkumpul yang telah diklasifikasi semula dari pendapatan komprehensif lain kepada untung atau rugi ialah perbezaan antara harga perolehan (setelah dikurangkan pembayaran balik pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (yang dikurangkan sebarang kerugian kejejasan sebelumnya yang telah diiktiraf dalam untung atau rugi).

Apabila peristiwa berikutnya menyebabkan jumlah kerugian kejejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kejejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

Kerugian kejejasan atas aset yang dibawa pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal aset tersebut. Kerugian kejejasan diiktiraf di dalam untung atau rugi dan dinyatakan dalam akaun elaun pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Faedah dan untung ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang terjejas akan diiktiraf secara berterusan melalui 'unwinding' diskaun.

Perubahan dalam elaun-elaun kejejasan menyumbang kepada nilai masa adalah digambarkan sebagai komponen pendapatan faedah/untung.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai terjejas apabila pokok atau faedah/untung atau kedua-duanya tidak berbayar untuk tempoh 90 hari ke atas atau tidak berbayar kurang daripada itu disokong oleh tanda kelemahan kredit pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berkenaan.

Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

ii) Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang

Untuk sekuriti dibawa pada kos dilunaskan yang terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal sekuriti. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Faedah dan untung pelaburan dipegang hingga matang yang terjejas diiktiraf secara berterusan melalui 'unwinding' diskaun.

Penarikbalikan kerugian kejejasan berikutnya diiktiraf apabila penurunan ini secara objektif boleh dikaitkan kepada satu peristiwa yang terjadi selepas kejejasan diiktiraf, sehingga amaun bawaan sekuriti tidak melebihi kos dilunaskan apabila tiada kejejasan diiktiraf. Penarikbalikan kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang serupa. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan kerugian kejejasan sedemikian tidak akan dibalikkan selepas pengiktirafannya. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira sekuriti pelaburan dipegang hingga matang tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

j) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

f) Pengenalpastian dan pengukuran kekejasan nilai (Sambungan)

iii) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan

Bagi sekuriti tersedia untuk jualan yang terdapat bukti kekejasan yang jelas, kerugian kekejasan terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan daripada ekuiti kepada untung atau rugi, walaupun sekuriti belum dinyahiktiraf. Kerugian kekejasan terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan (selepas sebarang bayaran balik pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (ditolak sebarang kerugian kekejasan yang sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi).

Kerugian kekejasan ke atas pelaburan dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan tidak akan dibalikkan selepas pengiktirafannya. Penarikbalikan kerugian kekejasan ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif jika peningkatan dalam nilai saksama secara objektif boleh dikaitkan dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kekejasan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian-kerugian kekejasan bagi sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan diiktiraf melalui pemindahan kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula. Apabila peristiwa berikutnya menyebabkan jumlah kerugian kekejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kekejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

Jika dalam tempoh berikutnya nilai saksama bagi sekuriti hutang tersedia untuk jualan yang telah terjejas meningkat dan peningkatan tersebut secara objektifnya dapat dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kekejasan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kekejasan diselaraskan semula dengan amaun pelarasan yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagaimanapun, sebarang bayaran balik dalam nilai saksama sekuriti pelaburan ekuiti tersedia untuk dijual yang terjejas diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

g) Penandaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank telah dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam keadaan-keadaan berikut:

- i) Aset-aset atau liabiliti-liabiliti diurus, dinilai dan dilaporkan secara dalaman berasaskan nilai saksama.
- ii) Penandaan ini menyingkirkan atau mengurangkan secara signifikan suatu perbezaan perakaunan yang mungkin wujud.
- iii) Aset atau liabiliti mengandungi derivatif terbenam yang secara signifikan mengubah aliran tunai yang mungkin diperlukan di dalam kontrak.

Nota 32 menunjukkan jumlah bagi setiap klas aset atau liabiliti kewangan yang telah ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Penjelasan kepada asas untuk setiap penandaan seperti di dalam nota setiap aset dan liabiliti kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

j) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

h) Kejejasan aset dan liabiliti bukan kewangan

Amaun bawaan bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan Kumpulan dan Bank dikaji semula pada setiap tarikh kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kejejasan. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun boleh-pulih aset dianggarkan dan kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan dan Bank.

Dasar tentang kejejasan aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan diringkaskan seperti berikut:

i) Muhibah

Muhibah yang mempunyai jangka hayat tidak terhad diuji setiap tahun untuk kejejasan, atau secara lebih kerap jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan yang ia mungkin terjejas. Untuk ujian kejejasan, muhibah daripada gabungan perniagaan diperuntukkan kepada unit penjana tunai ('CGU') yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan.

Amaun boleh-pulih ditentukan untuk setiap CGU berasaskan nilainya dalam penggunaan. Dalam mentaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset tersebut.

Kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila amaun bawaan bagi CGU, termasuk muhibah, melebihi amaun boleh-pulih CGU. Jumlah kerugian kejejasan diagihkan, pertama, untuk mengurangkan amaun bawaan muhibah yang diperuntukkan kepada CGU dan kemudiannya kepada aset CGU lain atas dasar pro-rata.

ii) Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah, loji dan kelengkapan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk kejejasan yang objektif pada setiap tarikh kedudukan kewangan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin terjejas. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian kejejasan ditentukan sebagai lebih daripada nilai bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos untuk dijual) dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang penarikbalikan kerugian kejejasan untuk aset-aset ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun bawaan dinaikkan kepada amaun boleh-pulih setelah semakan, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya telah ditentukan (bersih selepas pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

k) Wang tunai dan kesetaraan tunai

Wang tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai, baki bank dan deposit di bank-bank dan institusi kewangan lain. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada nilai dilunaskan dalam penyata kedudukan kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

l) Aset dan liabiliti dagangan

Aset dan liabiliti dagangan ialah aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diperolehi oleh Kumpulan dan Bank dengan tujuan utamanya untuk dijual atau dibeli kembali dalam tempoh terdekat atau dipegang sebagai sebahagian daripada portfolio yang dikendalikan bersama untuk keuntungan jangka pendek atau untuk tujuan peletakan.

Aset dan liabiliti dagangan pada awalnya diiktiraf dan berikutnya diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan, dengan kos transaksi yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua perubahan nilai saksama diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan dagangan bersih dalam untung atau rugi. Aset dan liabiliti dagangan tidak diklasifikasikan selepas pengiktirafan awalan, kecuali aset dagangan bukan derivatif, melainkan yang ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ketika pengiktirafan awalan, kemungkinan diklasifikasikan semula dari kategori nilai saksama melalui untung atau rugi (iaitu dagangan) sekiranya ianya tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau belian kembali dalam tempoh terdekat dan keadaan-keadaan berikut ini dipenuhi:

- i) Jika aset kewangan telah memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima (jika aset kewangan tidak diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dagangan pada ketika pengiktirafan awalan) seterusnya mungkin akan diklasifikasikan semula sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan itu untuk masa depan atau sehingga matang.
- ii) Jika aset kewangan tidak memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima, maka ia mungkin diklasifikasikan semula daripada kategori dagangan hanya dalam 'keadaan-keadaan yang jarang berlaku'.

m) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran-bayaran yang telah ditentukan dan telah ditetapkan yang mana tidak disiar di pasaran aktif dan Kumpulan dan Bank tidak berniat untuk menjual serta merta atau dalam tempoh terdekat.

Apabila Kumpulan dan Bank ialah pemberi pajak dalam perjanjian pajakan yang mengalihkan sebahagian besar ganjaran dan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset kepada penerima pajak, perjanjian itu diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan belum terima yang bersamaan pelaburan bersih di dalam pajakan tersebut diiktiraf dan dibentangkan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan dengan serentak membuat perjanjian untuk menjual semula aset (atau aset-aset yang sebahagian besar ialah aset-aset yang sama) pada harga tetap pada tarikh hadapan ("reverse repo or stock borrowing"), perjanjian ini diambilkira sebagai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset-aset yang telah digariskan tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada awal diukur pada nilai saksama (ditambah kos transaksi langsung) dan berikutnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah/untung efektif, kecuali Kumpulan dan Bank memilih untuk mengklasifikasikan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi seperti yang dijelaskan di dalam dasar perakaunan; rujuk nota 2j.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

n) Sekuriti pelaburan

Sekuriti pelaburan pada awalnya diukur pada nilai saksama ditokok, dalam kes di mana sekuriti pelaburan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi langsung dan berikutnya diakaunkan bergantung kepada klasifikasi sama ada dipegang hingga matang, nilai saksama melalui untung atau rugi atau tersedia untuk jualan.

Sekuriti pelaburan Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung kepada tujuan sekuriti tersebut diperolehi.

i) Dipegang hingga matang

Sekuriti dipegang hingga matang ialah aset bukan derivatif dengan bayaran balik tetap dan boleh ditentukan serta mempunyai tarikh kematangan tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang dan tidak ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk jualan.

Sekuriti dipegang hingga matang dibawa pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar efektif. Jualan atau klasifikasi semula amaun yang tidak signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang akan mengakibatkan pengelasan semula semua sekuriti dipegang hingga matang sebagai sekuriti tersedia untuk jualan. Ini juga akan menghalang Kumpulan dan Bank dari mengklasifikasikan sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya. Bagaimanapun, penjualan dan klasifikasi semula dalam sebarang keadaan berikut tidak akan mencetuskan kepada klasifikasi semula seperti berikut:

- a) Jualan atau klasifikasi semula yang menghampiri kematangan dan perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan.
- b) Jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan dan Bank membuat kutipan sebahagian besar pokok asal aset.
- c) Jualan atau klasifikasi semula yang menyumbang kepada peristiwa yang tak berulang dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank dan ianya di luar jangkaan munasabah.

Saham yang tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan sosioekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil penstrukturan semula pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau pertukaran pinjaman yang tidak mempunyai harga pasaran disiar dalam pasaran aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/dilunaskan berasaskan kaedah kadar hasil efektif, ditolak kejejasan, sekiranya ada. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan kejejasan serta laba atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sebarang jualan daripada pengelasan semula bagi jumlah signifikan sekuriti dipegang hingga matang yang jauh dari kematangannya akan mengakibatkan pengelasan semula semua sekuriti dipegang hingga matang kepada sekuriti tersedia untuk jualan dan menghalang Kumpulan dan Bank daripada mengklasifikasikan sekuriti bagi klas yang sama sebagai sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun kewangan semasa dan dua tahun berikutnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

n) Sekuriti pelaburan (Sambungan)

ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan dan Bank menandakan sebahagian sekuriti pelaburan pada nilai saksama, dengan perubahan nilai saksama diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan.

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya aset kewangan ini diperoleh terutamanya untuk tujuan mendapat manfaat daripada pergerakan harga jangka pendek sebenar atau jangkaan atau untuk mengunci untung arbitraj. Sekuriti dipegang untuk dagangan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang laba atau kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksamanya dan penyahiktirafan sekuriti dipegang untuk dagangan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama sekuriti dipegang untuk dagangan yang disebut harga diperoleh daripada harga bida pasaran.

iii) Tersedia untuk jualan

Sekuriti tersedia untuk jualan ialah pelaburan-pelaburan bukan derivatif yang mana telah ditanda sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan sebagai kategori aset kewangan yang lain. Sekuriti ekuiti tidak disebut harga yang mana nilai saksamanya tidak dapat diukur secara munasabah dibawa pada kos. Semua sekuriti tersedia untuk jualan dibawa pada nilai saksama.

Pendapatan faedah/untung diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah faedah/untung efektif. Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak kepada dividen. Laba atau kerugian bagi sekuriti hutang pelaburan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi.

Perubahan nilai saksama yang lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti dijual atau terjejas, di mana laba dan kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula.

Aset kewangan bukan-derivatif mungkin akan diklasifikasikan semula daripada kategori aset tersedia untuk jualan kepada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima jika memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima dan jika Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan untuk masa depan atau sehingga matang.

Sebarang laba atau kerugian akibat perubahan dalam nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan itu dijual, dipungut, dilupuskan atau dijejas nilai, yang pada masa itu, laba atau kerugian kumulatif yang dahulunya diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke untung atau rugi.

o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, keputusan peristiwa lepas Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif masa kini yang boleh dianggar dengan pasti dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Peruntukan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa depan pada kadar sebelum cukai yang menunjukkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan jika sesuai, risiko dikhusus kepada liabiliti. Diskaun 'unwinding' diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

o) Peruntukan (Sambungan)

Kontrak yang membebankan

Peruntukan untuk kontrak yang membebankan diiktiraf apabila faedah yang akan diperolehi oleh Kumpulan dan Bank daripada kontrak adalah lebih rendah daripada kos yang tidak dapat dielakkan bagi memenuhi obligasinya di bawah kontrak. Peruntukan diukur pada nilai kini anggaran kos penamatan kontrak dan kos jangkaan bersih meneruskan kontrak yang lebih rendah. Sebelum peruntukan ditubuhkan, Kumpulan dan Bank mengiktiraf sebarang kerugian kejelasan ke atas aset yang berkaitan dengan kontrak tersebut.

Peruntukan yuran wakalah

Peruntukan dalam tahun semasa dibuat untuk merekodkan jangkaan kerugian-kerugian tertentu masa depan bagi dana pemegang saham hasil daripada Perkhidmatan bagi polisi perjanjian individu beserta peserta.

(i) Produk sumbangan perseorangan

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan masa depan.

(ii) Produk-produk lain

Peruntukan dianggar berdasarkan aliran tunai bersih masa depan didiskaunkan kepada dana pemegang saham menggunakan kaedah aktuari konsisten dengan yang telah digunakan untuk pembalikan bukan unit dalam pemilik insuran nyawa konvensional yang dipanggil metodologi rizab 'sterling'.

Anggaran yang digunakan bersamaan dengan yang digunakan dalam penilaian dana tabaru' dan andaian belanja dana pemegang saham adalah berasaskan pada amalan Kumpulan.

Rizab penyamaan untung ('PER') untuk Skim Perbankan Islam ('SPI')

Rizab penyamaan untung bagi bahagian pemegang pelaburan diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos dan agihan seterusnya diiktiraf dalam untung atau rugi.

Rizab penyamaan untung bagi bahagian Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai rizab lain dalam ekuiti dan agihan daripada dan kepada ekuiti seterusnya diiktiraf sebagai pindahan dalam rizab.

p) Luar jangka

i) Liabiliti luar jangka

Jika ada kemungkinan bahawa aliran keluar manfaat ekonomi tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat dianggarkan dengan pasti, obligasi ini dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak berkaitan. Obligasi berkemungkinan, yang kewujudannya akan hanya disahkan dengan atau tiada kejadian bagi satu atau lebih peristiwa masa depan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak berkaitan.

Jika Kumpulan dan Bank mengikat kontrak jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan pihak lain, maka Kumpulan dan Bank menganggap ini sebagai perancangan insurans dan ia diambilkira sebagai sedemikian. Oleh itu, Kumpulan dan Bank menganggap kontrak jaminan sebagai liabiliti luar jangka sehingga ke suatu masa ia menjadi mungkin yang Kumpulan dan Bank perlu membuat bayaran di bawah jaminan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

p) Luar jangka (Sambungan)

ii) Aset luar jangka

Di mana ianya tidak berkemungkinan bahawa terdapat aliran masuk manfaat ekonomi, atau jumlah tidak boleh dianggarkan dengan pasti, aset telah tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan, kewujudan obligasi akan hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku pada satu atau lebih kejadian-kejadian masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis.

q) Aset lain belum terima

Aset-aset lain yang belum terima pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain ditentukan.

Lanjutan kepada pengiktirafan awal, aset-aset lain yang belum terima dinyatakan pada kos tolak kejejasan.

Aset-aset lain yang belum diterima tidak dipegang untuk tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang diketahui untuk perniagaan Takaful dihapuskan dan elaun-elaun khusus dibuat untuk sebarang premium belum jelas atau baki insurans semula yang masih belum membayar lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dari tarikh ianya menjadi belum terima dan untuk semua hutang yang dianggap terjejas seperti yang dinyatakan dalam garis panduan untuk pengendali takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

r) Hartanah, loji dan kelengkapan

i) Pengiktirafan dan ukuran

Butiran hartanah, loji dan kelengkapan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kejejasan. Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh pemerolehan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan pekerja langsung, sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan memulihkan tapak di mana hartanah, loji dan kelengkapan ditempatkan. Perisian yang dibeli yang merupakan perkara penting supaya kelengkapan berkaitan dapat berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Kos hartanah, loji dan kelengkapan yang diiktiraf hasil daripada gabungan perniagaan ialah berasaskan nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama harta ialah anggaran amaun untuk sesuatu harta boleh diniagakan pada tarikh penilaian, di antara pembeli bersedia dengan penjual bersedia dalam satu urusan tulus setelah pemasaran yang betul dilakukan apabila setiap pihak telah bertindak secara bijak, berhemah dan tanpa paksaan. Nilai saksama bagi butiran lain berkenaan dengan hartanah, loji dan kelengkapan ialah berasaskan harga pasaran yang disebutkan untuk butiran serupa.

Bagi hartanah, loji dan kelengkapan yang telah disusutnilai sepenuhnya mengikut jangka hayat dan hartanah, loji dan kelengkapan berkenaan masih diperolehi manfaat ekonominya dinilai berasaskan nilai saksama pada tarikh pelaporan tahunan.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia diambilkira sebagai butiran berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan kelengkapan. Termasuk dalam hartanah, loji dan kelengkapan ialah pajakan kewangan yang dikenalpasti sekiranya ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

r) Hartanah, loji dan kelengkapan (Sambungan)

ii) Pengklasan semula ke hartanah pelaburan

Apabila kegunaan sesuatu harta berubah daripada penghuni sendiri kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diukur pada kos dan diklasikan semula sebagai hartanah pelaburan.

iii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan bahagian sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi butiran tersebut jika ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan Bank dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung atau rugi bila mana ianya berlaku.

iv) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif atas asas garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat setiap bahagian sesuatu butiran hartanah, loji dan kelengkapan. Aset pajakan disusutnilai di sepanjang tempoh yang lebih pendek antara tempoh pajakan dengan jangka hayat hartanah, loji dan kelengkapan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilai. Hartanah, loji dan kelengkapan dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut tersedia untuk tujuan penggunaannya.

Anggaran jangka hayat untuk tempoh semasa dan perbandingan seperti berikut:

• bangunan	50 tahun
• loji dan peralatan	5 – 7 tahun
• perabot dan kelengkapan	5 – 7 tahun
• komponen utama	25 – 30 tahun
• kenderaan bermotor	5 – 7 tahun
• pengubahsuaian	7 tahun

Amaun susutnilai ditentukan selepas menolak nilai sisa. Kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai sisa dinilai semula pada tarikh pelaporan.

s) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah harta yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajak untuk memperoleh pendapatan sewaan atau untuk menambah nilai modal atau untuk kedua-duanya. Ini termasuk tanah dipegang untuk kegunaan masa depan yang belum ditentukan buat masa kini. Harta yang diduduki oleh entiti dalam Kumpulan dan Bank diambilkira sebagai diduduki sendiri dan bukan sebagai hartanah pelaburan.

Hartanah pelaburan yang dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kejejasan adalah selaras dengan dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan kelengkapan seperti yang dinyatakan dalam nota dasar perakaunan.

Susutnilai dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat antara 25 hingga 50 tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

t) Tanah pegangan pajak/Pajakan prabayar

Tanah pegangan pajak yang biasanya mempunyai hayat ekonomi tidak terhad dan yang hak miliknya tidak mungkin akan berpindah kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat sebaik sahaja memasuki atau memperoleh tanah pegangan pajak diambilkira sebagai bayaran pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan menurut corak manfaat yang diperuntukkan kecuali untuk tanah pegangan pajak yang diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan. Termasuk dalam pajakan prabayar ialah pajakan operasi yang dikenalpasti pada tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

u) Deposit-deposit daripada pelanggan

Deposit-deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai peletakan dan diselaraskan untuk faedah/untung terakru.

v) Liabiliti belum bayar lain

Liabiliti belum bayar lain diukur pada awalnya dan berikutnya pada kos. Liabiliti belum bayar lain diiktiraf apabila terdapat obligasi berkontrak untuk menyerahkan wang tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain.

w) Pengiktirafan faedah/untung, pembiayaan dan belanja berkaitan

Belanja faedah dan untung (termasuk aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perniagaan SPI) ke atas deposit-deposit dan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan dan Bank, dianggap sebagai tertanggung dan diiktiraf atas dasar akruan.

x) Manfaat pekerja

i) Manfaat jangka pendek

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas asas tidak didiskaunkan dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan disediakan.

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian untung jika Kumpulan dan Bank mempunyai perundangan semasa atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini kesan daripada perkhidmatan lepas yang diberikan oleh pekerja dan obligasi ini boleh dijangkakan dengan pasti.

ii) Pelan nyata

Sumbangan Kumpulan dan Bank kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicaj kepada untung atau rugi dalam tahun berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan dibuat, Kumpulan dan Bank tiada lagi obligasi bayaran selanjutnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

x) Manfaat pekerja (Sambungan)

iii) Pelan manfaat tertakrif

Obligasi bersih Kumpulan berhubung dengan pelan persaraan manfaat tertakrif dikira secara berasingan bagi setiap pelan dengan menganggarkan amaun manfaat masa depan yang diperolehi oleh pekerja untuk perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kini. Mana-mana kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai saksama bagi mana-mana pelan aset akan ditolak. Kadar diskaun adalah hasil pada akhir tempoh pelaporan ke atas bon korporat berkualiti tinggi yang mempunyai tarikh matang menghampiri terma obligasi Kumpulan dan yang didenominasikan dalam mata wang yang sama di mana manfaat-manfaat dijangka akan dibayar. Pengiraan dilakukan secara tahunan oleh aktuari berkelayakan menggunakan kaedah kredit unit unjuran. Apabila keputusan pengiraan memanfaatkan kepada Kumpulan, aset yang diiktiraf adalah terhad kepada jumlah kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai kini manfaat ekonomi dalam bentuk apa-apa gantirugi masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan ini. Untuk mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberi untuk apa-apa keperluan dana minima yang berkaitan dengan apa-apa pelan dalam Kumpulan. Manfaat ekonomi tersedia kepada Kumpulan jika ia boleh direalisasikan dalam jangka hayat pelan, atau penyelesaian liabiliti pelan.

Apabila manfaat pelan bertambah baik, bahagian daripada peningkatan manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan terdahulu oleh pekerja-pekerja diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat menjadi hak. Ke tahap di mana manfaat diletakkan hak dengan serta-merta, perbelanjaan diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf semua Laba dan kerugian aktuari yang timbul daripada pelan manfaat tertentu dalam pendapatan komprehensif lain dan semua perbelanjaan berkaitan dengan pelan manfaat tertakrif dalam belanja kakitangan dalam untung atau rugi. Kumpulan mengiktiraf laba dan kerugian dalam pengurangan atau penyelesaian pelan manfaat tertakrif apabila berlakunya pengurangan atau penyelesaian. Laba atau kerugian ke atas pengurangan terdiri daripada perubahan yang terhasil dalam nilai saksama pelan aset, perubahan dalam nilai kini tanggungan manfaat tertakrif dan apa-apa laba dan kerugian berkaitan aktuari dan kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf sebelum ini.

iv) Manfaat pemberhentian kontrak kerja

Manfaat penamatan diiktiraf sebagai belanja apabila Kumpulan dan Bank komited dengan ketara, tanpa kemungkinan realistik untuk menarik balik, kepada pelan terperinci rasmi sama ada menamatkan penggajian sebelum tarikh persaraan biasa atau untuk menyediakan manfaat-manfaat penamatan hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan lebihan sukarela. Manfaat penamatan untuk lebihan sukarela diiktiraf jika Kumpulan dan Bank membuat tawaran menggalakkan lebihan sukarela, yang kemungkinan tawaran itu akan diterima, dan bilangan penerimaan boleh dijangka dengan pasti. Jika manfaat pemberhentian yang dibayar lebih daripada 12 bulan selepas tempoh pelaporan, maka ia akan didiskaunkan kepada nilai kini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

y) Dana takaful am

Hasil penanggungjaminan takaful am ditentukan untuk setiap klas perniagaan selepas mengambil kira takaful semula, komisen, sumbangan tidak terperoleh dan tuntutan tertanggung.

i) Rizab sumbangan belum diperolehi

Rizab sumbangan belum diperolehi ('Unearned Contribution Reserves') merupakan bahagian sumbangan bersih polisi takaful yang ditanggungjamin berkaitan dengan belum tamat tempoh sijil pada akhir tempoh kewangan. Kaedah 1/365 digunakan bagi semua perniagaan takaful am Syarikat.

ii) Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas diiktiraf dari segi insurans langsung. Amaun tuntutan belum jelas ialah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan belanja berkaitan tolak bayaran balik untuk menjelaskan obligasi semasa tarikh penyata kedudukan kewangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, bersama dengan belanja berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilapor pada tarikh penyata kedudukan kewangan, menggunakan kaedah penganggaran matematik.

iii) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf dalam tahun kewangan merujuk kepada andaian risiko sepanjang tahun kewangan berkenaan berdasarkan tarikh permulaan caruman. Selain daripada itu, caruman takaful semula diiktiraf dalam tahun kewangan yang sama seperti sijil asal berkaitan dengan takaful semula.

z) Dana takaful keluarga

Lebih boleh pindah daripada dana hayat ke penyata pendapatan komprehensif berasaskan lebihan yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan bagi liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi.

i) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf sebaik sahaja amaun sumbangan boleh diukur dengan pasti.

Perniagaan berkaitan dengan pelaburan

Pendapatan sumbangan pertama diiktiraf berasaskan andaian risiko dan sumbangan berikutan yang diiktiraf atas dasar tunai. Risiko berikutan diandaikan berasaskan kecukupan unit bagi peserta.

Perniagaan tak berkaitan

Pendapatan sumbangan pertama diiktiraf daripada tarikh awal dan sumbangan berikutnya diiktiraf apabila tamat tempoh. Pada akhir tahun kewangan, semua sumbangan tamat tempoh diakaunkan sehingga ianya dapat diukur dengan yakin.

ii) Perniagaan berkaitan pelaburan

Pelaburan dalam perniagaan berkaitan pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang peningkatan atau penurunan dalam nilai pelaburan-pelaburan ini diambilkira dalam penyata pendapatan komprehensif.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

z) Dana takaful keluarga (Sambungan)

iii) Peruntukan untuk tuntutan

Tuntutan dan kos penyelesaian yang bertanggung dalam tempoh kewangan diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau penanggung insurans diberitahu.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan yang timbul daripada sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian, diambil kira menggunakan kaedah mengikut kes dan untuk tujuan ini, manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil takaful keluarga diiktiraf seperti berikut:

- a) Kematangan atau bayaran manfaat takaful yang lain yang perlu dibayar pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh tamat tempoh.
- b) Kematian, serahan dan manfaat lain tanpa tarikh tamat tempoh dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh penerimaan penamatan akibat kematian pihak yang diinsurankan atau berlakunya hal luar jangka yang terlindung.

iv) Rizab aktuari

Liabiliti ini diukur menggunakan kaedah penilaian aktuari prospektif. Lanya ditentukan melalui jumlah nilai kini manfaat masa depan dikurangkan dengan nilai kini balasan masa depan yang timbul daripada sijil yang didiskaunkan pada kadar risiko yang bersesuaian. Liabiliti ini berasaskan andaian anggaran yang terbaik dan mengambil kira pengalaman signifikan yang terdekat. Elaun yang bersesuaian dibuat dalam penilaian liabiliti untuk peruntukan margin risiko untuk perubahan yang bertentangan daripada jangkaan pengalaman.

Liabiliti aktuari bagi produk pelaburan dan produk bukan pelaburan di bawah kendalian persendirian dikira secara aliran tunai yang didiskaunkan bagi memastikan aliran tunai negatif masa depan yang berpunca dari ketidakcukupan caj tabaru' memenuhi kehendak keluaran dapat disingkirkan.

Liabiliti takaful keluarga diiktiraf apabila kontrak dimasuki dan caruman dikenakan.

Di dalam semua anggaran, terdapat elemen ketidaktentuan yang akan mengakibatkan anggaran liabiliti berkemungkinan berbeza daripada liabiliti sebenar disebabkan tahap signifikan ketidaktentuan yang terlibat dalam kadar diskaun yang digunakan dalam anggaran jangka hayat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Wang tunai di tangan dan baki di bank-bank dan lain-lain institusi kewangan	463,314	455,982	423,447	422,999
Wang panggilan, deposit dan peletakan yang matang dalam tempoh sebulan	914,463	1,251,236	865,480	1,233,200
	1,377,777	1,707,218	1,288,927	1,656,199

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Deposit diletakkan dengan:				
Bank-bank berlesen	914,463	1,201,236	865,480	1,183,200
Institusi kewangan lain	-	50,000	-	50,000
Baki tunai dan bank	463,314	455,982	423,447	422,999
	1,377,777	1,707,218	1,288,927	1,656,199

4. DEPOSIT DAN PELETAKAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Deposit diletakkan dengan:				
Institusi kewangan lain	50,000	-	50,000	-
	50,000	-	50,000	-

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Struktur kematangan deposit dan peletakan dengan institusi kewangan lain				
Matang dalam satu tahun	50,000	-	50,000	-
	50,000	-	50,000	-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. SEKURITI PELABURAN

NOTA	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Sekuriti pelaburan melalui untung atau rugi	5(a) 99,996	92,747	8,703	8,401
Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang	5(b) 8,151,054	7,721,723	8,151,054	7,721,723
Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan	5(c) 1,123,794	591,871	1,123,794	591,871
	9,374,844	8,406,341	9,283,551	8,321,995

a) Sekuriti pelaburan melalui untung atau rugi

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<u>Instrumen Pasaran Wang:</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,507	5,350	-	-
	6,507	5,350	-	-
<u>Sekuriti disebutbarga di Malaysia:</u>				
Saham	8,703	8,401	8,703	8,401
	8,703	8,401	8,703	8,401
<u>Sekuriti tak disebutbarga di Malaysia:</u>				
Sekuriti Hutang Islam	84,786	78,996	-	-
	84,786	78,996	-	-
	99,996	92,747	8,703	8,401

Pada nilai saksama melalui untung atau rugi

	KUMPULAN		BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Bon-bon kerajaan	6,507	5,350	-	-
Bon-bon korporat	84,786	78,996	-	-
Saham	8,703	8,401	8,703	8,401
Sekuriti hutang pelaburan dipegang untuk dagangan	99,996	92,747	8,703	8,401

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. SEKURITI PELABURAN (Sambungan)

b) Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang

Instrumen Pasaran Wang (Jangka Panjang):

Sekuriti Kerajaan Malaysia
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
Bon Jaminan Kerajaan
Bon Khazanah

Sekuriti tak disebut harga di Malaysia:

Sekuriti Hutang Swasta
Sekuriti Hutang Islam

Tolak: Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun bersih

KUMPULAN/BANK

2012 RM'000	2011 RM'000
3,396,727	3,409,267
2,807,136	2,691,536
1,024,621	725,386
404,584	384,697
7,633,068	7,210,886
84,934	120,679
419,328	366,771
504,262	487,450
13,724	23,387
8,151,054	7,721,723

Pada nilai kos terlunas

Bon-bon kerajaan
Bon-bon korporat
Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang

KUMPULAN/BANK

2012 RM'000	2011 RM'000
7,656,913	7,231,535
494,141	490,188
8,151,054	7,721,723

Struktur kematangan sekuriti dipegang hingga matang

Lebih daripada satu tahun
Matang dalam tempoh satu tahun

KUMPULAN/BANK

2012 RM'000	2011 RM'000
7,123,801	7,472,496
1,027,253	249,227
8,151,054	7,721,723

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. SEKURITI PELABURAN (Sambungan)

c) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan

	KUMPULAN/BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<u>Instrumen Pasaran Wang:</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	246,535	64,361
Sukuk	30,165	-
Bon Jaminan Kerajaan	20,000	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	649,168	408,015
	945,868	472,376
<u>Sekuriti tak disebuttharga di Malaysia:</u>		
Saham	380	380
Sekuriti Hutang Swasta	-	15,000
Sekuriti Hutang Islam	-	14,957
	380	30,337
Tolak: Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun bersih	(3,383)	(3,815)
Tolak: Kerugian kejejasan terkumpul saham tak disebuttharga di Malaysia	(380)	(380)
(Kerugian)/Laba belum terealisasi setelah penilaian semula	(412)	2,514
	942,073	501,032
<u>Sekuriti disebuttharga di Malaysia:</u>		
Saham	87,981	47,880
Pelaburan Unit Amanah Saham	146,621	94,379
	234,602	142,259
Tolak: Kerugian kejejasan terkumpul saham disebuttharga dan Unit Amanah Saham di Malaysia	(47,887)	(47,887)
Kerugian belum terealisasi setelah penilaian semula	(4,994)	(3,533)
	181,721	90,839
	1,123,794	591,871

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**5. SEKURITI PELABURAN (Sambungan)****c) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan (Sambungan)**

Pada nilai saksama

	KUMPULAN/BANK	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Bon-bon kerajaan	942,073	470,937
Bon-bon korporat	-	30,095
Sekuriti hutang pelaburan	942,073	501,032
Sekuriti ekuiti dengan ketentuan nilai saksama	181,721	90,839
Sekuriti tersedia untuk jualan	1,123,794	591,871

Struktur kematangan sekuriti tersedia untuk jualan

	KUMPULAN/BANK	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Lebih daripada satu tahun	942,073	501,032
Tiada tarikh matang	181,721	90,839
	1,123,794	591,871

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	KUMPULAN/BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan	13,881,562	11,552,731
	13,881,562	11,552,731

Berikut adalah pecahan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut nilai saksama.

KUMPULAN/BANK	NILAI KASAR 2012 RM'000	NILAI KEJEJASAN 2012 RM'000	NILAI BAWAAN 2012 RM'000
	Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan		
Pinjaman/Pembiayaan perumahan	3,806,343	(135,725)	3,670,618
Pinjaman/Pembiayaan persendirian	9,526,262	(179,969)	9,346,293
Pinjaman/Pembiayaan kakitangan	116,207	(1,186)	115,021
Sewa beli belum terima	121,473	(6,571)	114,902
Mikro kredit	1,626	(118)	1,508
Mikro kewangan	373,615	(39,237)	334,378
Kad kredit/caj	182,694	(2,579)	180,115
Pinjaman/Pembiayaan bertempoh yang lain	120,442	(4,925)	115,517
Kredit pusingan	23,261	(20,051)	3,210
	14,271,923	(390,361)	13,881,562

KUMPULAN/BANK	NILAI KASAR 2011 RM'000	NILAI KEJEJASAN 2011 RM'000	NILAI BAWAAN 2011 RM'000
	Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan		
Pinjaman/Pembiayaan perumahan	3,299,071	(238,886)	3,060,185
Pinjaman/Pembiayaan persendirian	7,743,941	(164,058)	7,579,883
Pinjaman/Pembiayaan kakitangan	114,044	(1,192)	112,852
Sewa beli belum terima	66,577	(8,954)	57,623
Mikro kredit	1,897	(130)	1,767
Mikro kewangan	281,671	(34,200)	247,471
Kad kredit/caj	173,122	(2,790)	170,332
Pinjaman/Pembiayaan bertempoh yang lain	298,418	(5,645)	292,773
Kredit pusingan	29,855	(10)	29,845
	12,008,596	(455,865)	11,552,731

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (Sambungan)

a) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut jenis

	KUMPULAN/BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman/Pembiayaan bertempoh		
Pinjaman/Pembiayaan perumahan	6,721,147	4,480,198
Pinjaman/Pembiayaan persendirian	15,282,439	12,390,849
Sewa beli belum terima	141,043	79,633
Pinjaman/Pembiayaan bertempoh yang lain*	122,371	311,798
Mikro kredit	1,626	1,897
Mikro kewangan	433,878	300,450
Pinjaman/Pembiayaan kakitangan	119,052	116,849
Kad kredit/caj	182,694	173,122
Kredit pusingan	24,832	33,294
Tolak: Faedah/Pendapatan belum diiktiraf	(8,757,159)	(5,879,494)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	14,271,923	12,008,596
Tolak: Elaun kejejasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kejejasan kolektif	(390,361)	(455,865)
Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	13,881,562	11,552,731

* Termasuk dalam pinjaman bertempoh ialah pinjaman bertempoh subordinat yang diberikan kepada BSNC Corporation (M) Berhad, sebuah syarikat bersekutu berjumlah RM150 juta di mana penyelesaian telah dibuat untuk RM90 juta melalui pindahan 45 juta unit saham Affin Holdings Berhad pada RM2 seunit dalam tahun 2005. Pembayaran balik baki berjumlah RM33 juta yang telah distruktur semula pada tahun 2008 dengan bayaran yang perlu dibayar setiap suku tahunan pada kiraan kadar faedah atas baki tahunan sebanyak 2% setahun dan bayaran terakhir perlu dibayar pada Disember 2033.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (Sambungan)

b) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut jenis pelanggan

	KUMPULAN/BANK	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Institusi kewangan bukan bank domestik		
Koperasi	23,261	29,855
